



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI
DAN AGENSI NEGERI SERTA PENGAUDITAN
PEMATUHAN JABATAN NEGERI

PERLIS
TAHUN 2019

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI
DAN AGENSI NEGERI SERTA PENGAUDITAN
PEMATUHAN JABATAN NEGERI

PERLIS
TAHUN 2019

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PENDAHULUAN	ix
RINGKASAN EKSEKUTIF	xiii
BAHAGIAN I	
PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PERLIS BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019	
Pendahuluan	1 - 3
Objektif dan Metodologi Pengauditan	1 - 4
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019	1 - 5
BAHAGIAN II	
ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI	
Latar Belakang	2 - 3
Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri	2 - 3
Penyata Prestasi Kewangan	2 - 3
Kumpulan Wang Disatukan	2 - 5
Wang Awam	2 - 6
Akaun Hasil Disatukan	2 - 7
Akaun Pinjaman Disatukan	2 - 16
Akaun Amanah Disatukan	2 - 17
Penyata Akaun Memorandum	2 - 30
Akaun Belum Terima	2 - 34
Rumusan Audit	2 - 36
Syor Audit	2 - 37

BAHAGIAN III	
PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI	
Pendahuluan	3 - 3
Pengauditan Penyata Kewangan	3 - 3
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan	3 - 3
Pemakaian Piawaian Perakaunan	3 - 4
Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan	3 - 5
Pembentangan Penyata Kewangan	3 - 8
Analisis Prestasi Kewangan	3 - 8
Rumusan Audit	3 - 9
Syor Audit	3 - 9
BAHAGIAN IV	
PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN NEGERI	
Pengenalan	4 - 3
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis	4 - 7
1. Perbelanjaan Akaun Amanah Kelas Pengajian Al-Quran dan Fardhu Ain	
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis	4 - 13
2. Perbelanjaan Akaun Amanah Elaun Pegawai Masjid	
Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis	4 - 21
3. Perbelanjaan Penyenggaraan	
BAHAGIAN V	
PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI	
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Aktiviti Jabatan/Agenzi serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri	5 - 3
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri	5 - 3
PENUTUP	6 - 3

LAMPIRAN

Lampiran I	-	Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri	7 - 3
Lampiran II	-	Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri	7 - 6
Lampiran III	-	Penyata Kedudukan Kewangan	7 - 7
Lampiran IV	-	Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai	7 - 8
Lampiran V	-	Penyata Prestasi Kewangan	7 - 9
Lampiran VI	-	Penyata Akaun Memorandum	7 - 10
Lampiran VII	-	Nota Kepada Penyata Kewangan	7 - 11
AKRONIM			8 - 3



PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agensi dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Bagi Laporan berkaitan dengan sesuatu negeri, ia hendaklah dikemukakan kepada Sultan/Raja/Yang Dipertua Negeri masing-masing untuk dibentang di hadapan Dewan Undangan Negeri. Bagi Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Negeri Perlis, selepas dibentangkan di Dewan Rakyat, ia akan dikemukakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis yang akan memperkenan Laporan itu untuk dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri Perlis.
2. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Agensi Negeri Perlis Tahun 2019 Serta Pengauditan Pematuhan ini mengandungi perkara seperti berikut:
 - i. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri;
 - ii. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri;
 - iii. Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri;
 - iv. Pengauditan Pematuhan; dan
 - v. Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri.
3. Laporan ini disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di Jabatan Perbendaharaan Negeri dan beberapa jabatan/agensi negeri sepanjang tahun 2019. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis Tahun 2019, pengauditan terhadap sistem perakaunan serta dokumen yang berkaitan dengan terimaan dan bayaran telah dijalankan di Jabatan Perbendaharaan Negeri.
4. Pengauditan dijalankan bertujuan untuk memberikan pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan dijalankan dengan berpandukan kepada Akta Audit 1957, piawaian pengauditan yang diluluskan dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI)*.

5. Laporan pada kali ini turut mengandungi perenggan yang berkaitan dengan pengauditan pematuhan. Pengauditan pematuhan terhadap jabatan/agensi negeri bertujuan untuk memastikan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa serta rekod kewangan berkaitan diselenggara dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan ini dilaksana berdasarkan ISSAI 4000 dan 4100. Pengauditan pematuhan menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemberosan, penyelewengan dan ketirisan wang awam.

6. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pegawai jabatan/agensi negeri Perlis yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada pegawai saya yang telah bekerja keras serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(DATUK NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya

8 Oktober 2020



RINGKASAN EKSEKUTIF

RINGKASAN EKSEKUTIF

BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PERLIS
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA
KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Seksyen 16(1), Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan tahunan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis disediakan oleh Pegawai Kewangan Negeri berdasarkan asas perakaunan tunai ubah suai.
- Penyata ini yang melaporkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perlis tahun 2019 mengandungi Laporan Bendahari Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.
- Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis dilaksanakan selaras dengan Seksyen 5 (1)(a) Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun Persekutuan dan negeri.
- Seksyen 5 (1)(c) Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Majlis Agama Islam (MAI) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis, juga membuat analisis terhadap kedudukan kewangan Kerajaan negeri. Analisis Audit merangkumi perkara mengenai trend dan kedudukan kewangan, wang tunai, pelaburan, hasil, perbelanjaan mengurus, amanah, pinjaman dan hutang Kerajaan negeri.

**Mengapa ia
penting
untuk
diaudit?**

- Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.
- Analisis yang dijalankan pula bertujuan untuk menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri Perlis secara menyeluruh pada akhir tahun 2019, di samping dapat membantu kerajaan negeri memperkuuh prestasi kewangannya pada tahun akan datang.
- Pengauditan Penyata Kewangan Agensi Negeri dilaksanakan untuk mengesah dan memastikan penyata kewangan bebas daripada kesalahan dan ketinggalan yang material serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama berpandukan akta dan piawaian yang diluluskan.
- Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri.

**Apa yang
ditemui
Audit?**

BAHAGIAN I
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis Bagi
Tahun Berakhir 31 Disember 2019

Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perlis bagi tahun berakhir 31 Disember 2019. Rekod perakaunannya juga telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

BAHAGIAN II
Analisis Kewangan Kerajaan Negeri

- Analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan negeri adalah stabil. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2019 adalah berjumlah RM45.38 juta, iaitu meningkat sebanyak RM23.18 juta berbanding RM22.20 juta pada akhir tahun 2018.

- Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2019 menunjukkan defisit semasa berjumlah RM1.25 juta. Defisit pada tahun 2019 menurun sebanyak RM14.16 juta berbanding defisit RM15.41 juta pada tahun 2018. Ini menunjukkan prestasi Akaun Hasil Disatukan bertambah baik pada tahun 2019 berbanding tahun 2018.
- Kutipan hasil meningkat sebanyak RM23.21 juta atau 18.1% menjadi RM151.29 juta berbanding RM128.08 juta pada tahun 2018. Bagaimanapun peratus peningkatan adalah sebanyak 0.3% iaitu lebih kecil berbanding tahun 2018.
- Prestasi perbelanjaan dan pelaksanaan projek pembangunan Kerajaan negeri di bawah RMKe-11 pada tahun 2019 adalah sangat baik, iaitu sejumlah RM53.34 juta (96.5%) telah dibelanjakan berbanding RM55.28 juta yang diperuntukkan. Daripada 692 jumlah projek yang dirancang, 686 projek atau 99.1% telah disiapkan sepenuhnya manakala enam (6) projek atau 0.9% sedang dilaksanakan. Tiada projek yang masih belum dimulakan atau ditangguh.
- Baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sebanyak RM0.79 juta atau 0.7% daripada RM109.72 juta pada tahun 2018 kepada RM108.93 juta pada tahun 2019. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut menurun sebanyak RM0.91 juta atau 1% daripada RM88.76 juta pada tahun 2018 kepada RM87.85 juta pada tahun 2019.
- Jumlah Hutang Awam menurun sebanyak RM135.30 juta atau 33.5% menjadi RM268.02 juta berbanding RM403.32 juta pada tahun 2018. Tunggakan bayaran balik Hutang Awam oleh Kerajaan negeri menurun sebanyak RM62.81 juta atau 25.7% menjadi RM181.47 juta berbanding RM244.28 juta pada tahun 2018.

BAHAGIAN III

Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri

- Setakat 31 Ogos 2020, kesemua enam (6) BBN dan satu (1) PBT serta satu (1) MAI telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 untuk diaudit. Daripada lapan (8) agensi negeri yang telah mengemukakan penyata kewangan, hanya dua (2) agensi mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu sebelum atau pada 30 April 2020.
- Enam (6) agensi mengemukakan penyata kewangan selepas tempoh ditetapkan kerana kesan daripada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan untuk mengekang penularan pandemik COVID-19. Agensi telah memohon pelanjutan tempoh untuk mengemukakan penyata kewangan sehingga 30 Jun 2020 dan telah diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri Perlis.
- Setakat 31 Ogos 2020, sebanyak tiga (3) daripada lapan (8) penyata kewangan agensi negeri bagi tahun 2019 telah diaudit dan dikeluarkan Pendapat Tanpa Teguran. Penyata kewangan tersebut adalah bagi Lembaga Pemegang Amanah Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Perlis, Kumpulan Wang Hadiah Pelajaran Rakyat (Bukan Melayu) Negeri Perlis dan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis. Lima (5) penyata kewangan agensi negeri yang lain masih dalam proses pengauditan.
- Sehubungan itu, analisis terhadap prestasi kewangan agensi negeri tidak dilaporkan dalam Laporan kali ini memandangkan analisis bagi tiga (3) agensi sahaja tidak dapat memberi gambaran sebenar berkaitan kedudukan kewangan agensi negeri secara keseluruhannya.

BAHAGIAN IV

PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN NEGERI

Apa yang diaudit?

- Pengauditan pematuhan jabatan negeri dilaksana terhadap sesuatu bidang utama audit (*key audit area*)/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *risk profiling* yang dilakukan terhadap setiap jabatan negeri.
- Pengauditan pematuhan dilaksanakan terhadap dua (2) perkara melibatkan dua (2) jabatan seperti berikut:

- Perbelanjaan Akaun Amanah Kelas Pengajian Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) serta Akaun Amanah Elaun Pegawai Masjid di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis (JAIPs); dan
- Perbelanjaan Penyenggaraan di Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis (JKR).

**Mengapa ia
penting
untuk
diaudit?**

- Pengauditan pematuhan jabatan negeri dilaksana untuk menentukan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan dan berkuat kuasa serta rekod berkaitan telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

**Apa yang
ditemui
Audit?**

- **Perbelanjaan Akaun Amanah KAFA**
 - Elaun Guru KAFA berjumlah RM0.89 juta melibatkan 114 guru yang dilantik semula telah dibayar tanpa kontrak perjanjian yang sah.
- **Perbelanjaan Akaun Amanah Elaun Pegawai Masjid**
 - pembayaran Elaun Pegawai Masjid berjumlah RM2.01 juta telah dibuat tanpa surat pelantikan yang memperakui dan mengesahkan tugas yang dipertanggungjawabkan kepada individu yang dilantik; dan
 - Elaun Pegawai Masjid berjumlah RM26,200 telah dibayar kepada pegawai masjid yang telah sah meletak jawatan/tidak lagi berkhidmat.
- **Perbelanjaan Penyenggaraan di Jabatan Kerja Raya**
 - Kontrak dan Surat Setuju Terima bernilai RM1.61 juta telah ditandatangani oleh pegawai yang tidak diberi kuasa;
 - 27 Inden Kerja dan 11 Pesanan Kerajaan mempunyai tempoh penyiapan kerja antara lima (5) hingga 11 bulan, yang bermaksud kontrak formal perlu disediakan. Namun didapati pembayaran berjumlah RM0.78 juta telah dibuat melalui 38 Arahan Pembayaran tanpa disediakan kontrak formal; dan
 - pembayaran penyenggaraan berjumlah RM47,487 telah dibuat tanpa menggunakan inden kerja.



BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PERLIS

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019

BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PERLIS BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBWER 2019

FAKTA UTAMA

**01.01.2019 -
31.12.2019**

Tahun kewangan
Kerajaan negeri

**Komponen Penyata
Kewangan**

Jenis Pendapat Audit

31 Julai 2020

Tarikh akhir penyerahan
penyata kewangan untuk
diaudit

- Penyata Kedudukan Kewangan
- Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai
- Penyata Prestasi Kewangan
- Penyata Akaun Memorandum
- Nota Kepada Penyata Kewangan

10 Januari 2020

Tarikh penyerahan sebenar
penyata kewangan untuk
diaudit

Pendapat Tanpa Teguran

1. PENDAHULUAN

1.1. Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh tujuh (7) bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9, Akta Audit 1957. Penyata Kewangan Kerajaan negeri Perlis disediakan oleh Bendahari Negeri berdasarkan asas perakaunan tunai ubah suai.

1.2. Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, YB Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 kepada Jabatan Audit Negara pada **10 Januari 2020**. Penyata ini melaporkan semua urus niaga kewangan asas tunai bagi tahun 2019 berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata Kewangan Kerajaan negeri Perlis mengandungi Laporan Bendahari Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

1.3. Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan pegangan Wang Awam Kerajaan terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubah suai yang diguna pakai oleh Kerajaan negeri, hanya pelaburan yang dipegang bagi maksud amanah tertentu

dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Pelaburan lain pula dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.4. Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan aliran masuk dan aliran keluar tunai dan kesetaraan tunai bagi tahun 2019. Aliran Tunai Masuk terdiri daripada hasil, pinjaman, penerimaan modal dan penerimaan lain seperti terimaan amanah. Aliran Tunai Keluar pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, bayaran balik pinjaman dalam negeri dan bayaran amanah.

1.5. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam Pinjaman, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

1.6. Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan kedudukan aset kewangan dan liabiliti Kerajaan negeri. Aset Kerajaan negeri terdiri daripada Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan. Liabiliti Kerajaan negeri pula terdiri daripada Hutang Awam iaitu pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan.

1.7. Nota Kepada Penyata Kewangan pula memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam penyata kewangan dan juga maklumat tambahan seperti peristiwa yang berlaku selepas tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan angka perbandingan.

2. OBJKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2.2. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen (pengauditan interim) dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2019. Pemerhatian Audit mengenainya telah dibangkitkan dengan pihak Perbendaharaan Negeri Perlis dan jabatan-jabatan negeri yang berkenaan sebaik sahaja pengauditan selesai dijalankan.

2.3. Mesyuarat Penutupan (*Exit Conference*) bersama YB Pegawai Kewangan Negeri dan ketua-ketua jabatan negeri telah diadakan pada **7 Julai 2020**.

3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PERLIS BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

3.1. Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis telah dilaksana berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) 1000 serta Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan negeri. Akta dan piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara.

3.2. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam persembahan penyata kewangan. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis pada tahun 2019 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan. **Pada pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis secara keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.** Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan negeri Perlis yang disertakan bersama dengan Penyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan adalah seperti di **Lampiran I** hingga **Lampiran VII**.



BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

FAKTA UTAMA		
PRESTASI KEWANGAN	KUMPULAN WANG DISATUKAN	AKAUN MEMORANDUM
↑ HASIL	↓ AKAUN HASIL DISATUKAN	↓ PINJAMAN BOLEH DITUNTUT
2019 - RM151.29 juta	2019 - (RM454.87 juta)	2019 - RM108.93 juta
2018 - RM128.08 juta	2018 - (RM453.62 juta)	2018 - RM109.72 juta
↑ BELANJA	AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	PELABURAN
2019 - RM205.88 juta	2019 - RM0	2019 - RM0
2018 - RM186.05 juta	2018 - RM0	2018 - RM0
	↑ AKAUN AMANAH DISATUKAN	↓ HUTANG AWAM
	2019 - RM500.25 juta	2019 - RM268.02 juta
	2018 - RM475.82 juta	2018 - RM403.32 juta

1. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan negeri Perlis Tahun 2019, juga membuat analisis terhadap data kewangan bagi menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan negeri. Analisis yang dijalankan adalah berdasarkan kepada Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan serta maklumat kewangan yang berkaitan.

2. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata kewangan Kerajaan negeri ini menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

3. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

3.1. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan keseluruhan hasil berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana bagi Pinjaman Dalam

Negeri, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

3.2. Pada tahun 2019, Penyata Prestasi Kewangan mencatatkan defisit berjumlah RM54.59 juta, penurunan sebanyak RM3.38 juta atau 5.8%, berbanding defisit RM57.97 juta pada tahun 2018. Hasil Kerajaan negeri berjumlah RM151.29 juta, manakala perbelanjaan mengurus dan pembangunan berjumlah RM152.54 juta. Hasil Kerajaan negeri meningkat sejumlah RM23.21 juta atau 18.1%, berbanding RM128.08 juta pada tahun 2018. Perbelanjaan mengurus pula menunjukkan peningkatan sebanyak RM9.05 juta atau 6.3% menjadi RM152.54 juta pada tahun 2019 berbanding RM143.49 juta pada tahun 2018. Perbelanjaan pembangunan juga meningkat sebanyak RM10.78 juta atau 25.3% menjadi RM53.34 juta pada tahun 2109 berbanding RM42.56 juta pada tahun 2018.

3.3. Kerajaan negeri menampung defisit tersebut menerusi terimaan Geran Pemberian Tahap Pembangunan, Ekonomi dan Kesejahteraan Hidup daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM28.23 juta; Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian II berjumlah RM14.33 juta; Pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM17.84 juta; terimaan Ansuran Perumahan Awam dan Jualan Perumahan Awam Kos Rendah berjumlah RM1.69 juta; selain perubahan dalam wang tunai, pelaburan dan Kumpulan Wang Amanah yang keseluruhannya berjumlah kurangan RM7.50 juta. Kedudukan Penyata Prestasi Kewangan pada akhir tahun 2018 dan 2019 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
KEDUDUKAN PENYATA PRESTASI KEWANGAN
PADA AKHIR TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Hasil	151.29	128.08	23.21	18.1
Perbelanjaan Mengurus	152.54	143.49	9.05	6.3
Perbelanjaan Pembangunan	53.34	42.56	10.78	25.3
DEFISIT	(54.59)	(57.97)	3.38	(5.8)
Kurangan dibiayai oleh:				
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	62.09	50.66	11.43	22.6
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	(7.50)	7.31	(14.81)	(202.6)
JUMLAH	54.59	57.97	(3.38)	(5.8)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

4. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.1. Kumpulan Wang Disatukan terdiri daripada tiga (3) akaun iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, baki Kumpulan Wang Disatukan pada 31 Disember 2019 adalah berjumlah RM45.38 juta. Jumlah tersebut terdiri daripada aset berbentuk wang tunai berjumlah RM45.38 juta. Pada tahun 2019, Kumpulan Wang Disatukan mencatat peningkatan sebanyak RM23.18 juta atau 104.4% berbanding RM22.20 juta pada tahun 2018. Peningkatan ini disebabkan oleh Akaun Amanah Disatukan memperoleh lebihan berjumlah RM24.43 juta pada tahun 2019 yang terdiri daripada lebihan Kumpulan Wang Pembangunan dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2018 dan 2019 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN
PADA AKHIR TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BIL.	BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Hasil Disatukan	(454.87)	(453.62)	(1.25)	0.3
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	500.25	475.82	24.43	5.1
	i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan:				
	Kumpulan Wang Pembangunan	20.38	11.63	8.75	75.2
	Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air	0.00	0.00	0.00	0
	Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	389.81	364.64	25.17	6.9
	ii) Kumpulan Wang Amanah Awam	32.50	36.07	(3.57)	(9.9)
	iii) Akaun Wang Deposit	57.56	63.48	(5.92)	(9.3)
JUMLAH		45.38	22.20	23.18	104.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

4.2. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan untuk tempoh lima (5) tahun menunjukkan peningkatan bagi tahun 2016, 2017 dan 2019 dan penurunan bagi tahun 2018. Kedudukan baki Kumpulan Wang Disatukan yang tertinggi adalah pada tahun 2019 dan yang terendah adalah pada tahun 2015. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2015 hingga 2019 adalah seperti dalam **Jadual 3** dan **Carta 1**.


JADUAL 3
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN
PADA AKHIR TAHUN 2015 HINGGA 2019

BIL.	BUTIRAN	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	(384.56)	(406.98)	(438.21)	(453.62)	(454.87)
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	401.23	426.57	474.19	475.82	500.25

BIL.	BUTIRAN	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)
i)	Kumpulan Wang Amanah Kerajaan:					
	Kumpulan Wang Pembangunan	23.92	12.94	3.53	11.63	20.38
	Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air	0.10	0.00	0.00	0.00	0.00
	Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	277.96	320.12	385.32	364.64	389.81
ii)	Kumpulan Wang Amanah Awam	62.47	51.43	42.68	36.07	32.50
iii)	Akaun Wang Deposit	36.78	42.08	42.66	63.48	57.56
	JUMLAH	16.67	19.59	35.98	22.20	45.38

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 hingga 2019

CARTA 1
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN
PADA AKHIR TAHUN 2015 HINGGA 2019



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 hingga 2019

5. WANG AWAM

5.1. Wang Tunai

5.1.1. Wang Tunai merupakan sebahagian daripada aset Kerajaan negeri yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki wang tunai dalam akaun semasa dan pelaburan Deposit Dalam Negeri bagi tempoh tiga (3) bulan atau kurang. Wang Tunai Dalam Perjalanan pula adalah wang tunai yang diterima dan telah dikeluarkan resit penerimaannya tetapi belum dimasukkan ke dalam bank pada atau sebelum 31 Disember tahun semasa. Wang Tunai Dalam Tangan terdiri daripada Panjar Wang

Runcit dan Panjar Wang Runcit Khas yang diberi kepada Pemegang Panjar untuk tujuan perbelanjaan runcit.

5.1.2. Analisis perbandingan kedudukan Wang Tunai menunjukkan peningkatan sebanyak RM23.18 juta, atau 104.4% menjadi RM45.38 juta pada tahun 2019 berbanding RM22.20 juta pada tahun 2018. Baki Wang Tunai Dalam Bank pula meningkat sebanyak RM23.18 juta atau 104.6%. Tiada perubahan bagi baki Wang Tunai Dalam Tangan. Secara keseluruhannya, peningkatan baki Wang Tunai pada akhir tahun 2019 adalah disebabkan peningkatan Wang Tunai Dalam Bank kerana Kerajaan negeri telah menerima Geran Pemberian Khas YAB Perdana Menteri Tahun 2019 pada 24 Disember 2019 berjumlah RM25 juta. Pemberian tersebut dibuat selaras dengan surat kelulusan YAB Perdana Menteri bertarikh 17 Disember 2019 dan surat Kementerian Kewangan Malaysia bertarikh 23 Disember 2019. Kedudukan baki Wang Tunai pada tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
KEDUDUKAN BAKI WANG TUNAI PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BIL.	BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PENURUNAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	45.34	22.16	23.18	104.6
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.00	0.00	0.00	-
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.04	0.04	0.00	-
Jumlah		45.38	22.20	23.18	104.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

6. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan merupakan penyata yang mengakaunkan semua urus niaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan Perkara 98, Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957. Pada tahun 2019, Akaun Hasil Disatukan Kerajaan negeri mencatatkan defisit berjumlah RM1.25 juta, penurunan sebanyak RM14.16 juta (91.9%) berbanding defisit berjumlah RM15.41 juta pada tahun 2018. Defisit ini berpunca daripada perbelanjaan mengurus tahun 2019 berjumlah RM152.54 juta, melebihi kutipan hasil yang berjumlah RM151.29 juta. Defisit terkumpul Akaun Hasil Disatukan pada akhir tahun 2019 meningkat sebanyak RM1.25 juta (0.9%) menjadi RM454.87 juta berbanding RM453.62 juta pada tahun 2018.

6.1. Hasil

6.1.1. Akaun Hasil Disatukan mengandungi tiga (3) kategori hasil iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada tahun 2019, hasil yang dikutip oleh Kerajaan negeri berjumlah RM151.29 juta atau 146.8% berbanding anggaran yang diluluskan berjumlah RM103.08 juta. Kutipan hasil sebenar pada tahun 2019 berbanding anggaran yang diluluskan adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
KUTIPAN HASIL SEBENAR
PADA TAHUN 2019 BERBANDING ANGGARAN YANG DILULUSKAN

BIL.	BUTIRAN	ANGGARAN (RM Juta)	SEBENAR (RM Juta)	VARIAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	18.90	20.77	1.87	109.9
2.	Hasil Bukan Cukai	22.72	23.65	0.93	104.1
3.	Terimaan Bukan Hasil	61.46	106.87	45.41	173.9
JUMLAH		103.08	151.29	48.21	146.80

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019


6.1.2. Secara keseluruhannya, hasil yang dikutip oleh Kerajaan negeri pada tahun 2019 berjumlah RM151.29 juta, meningkat sebanyak RM23.21 juta atau 18.1% berbanding RM128.08 juta pada tahun 2018. Kutipan hasil pada tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 6** dan **Carta 2**.

JADUAL 6
KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BIL.	BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	20.77	18.63	2.14	11.5
2.	Hasil Bukan Cukai	23.65	18.55	5.10	27.5
3.	Terimaan Bukan Hasil	106.87	90.90	15.97	17.6
JUMLAH		151.29	128.08	23.21	18.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

CARTA 2
KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2019 DAN 2018



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

6.1.3. Penyumbang utama hasil Kerajaan negeri terdiri daripada Geran Pemberian Kerajaan Persekutuan, Cukai Tanah Semasa, Sewa Rumah Program Perumahan Rakyat (PPR), Premium Tukar Syarat Tanah dan Premium Tanah. Lima (5) butiran hasil ini telah menyumbang RM130.77 juta atau 86.4% daripada keseluruhan hasil pada tahun 2019 yang berjumlah RM151.29 juta. Pada tahun 2018, hasil bagi lima (5) butiran tersebut adalah berjumlah RM101.97 juta atau 79.6% daripada keseluruhan hasil yang diterima berjumlah RM128.08 juta. Trend penyumbang utama hasil Kerajaan negeri bagi tahun 2019 dan 2018 menunjukkan Geran Pemberian Kerajaan Persekutuan adalah penyumbang utama hasil Kerajaan negeri, diikuti dengan Cukai Tanah Semasa dan Sewa Rumah PPR. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
HASIL UTAMA KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2019 DAN 2018

BIL.	BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Geran Pemberian Kerajaan Persekutuan	103.37	80.68	22.69	28.1
2.	Cukai Tanah Semasa	15.78	14.57	1.21	8.3
3.	Sewa Rumah PPR	5.21	0.86	4.35	505.8
4.	Premium Tukar Syarat Tanah	3.74	2.20	1.54	70.00
5.	Premium Tanah	2.67	3.66	(0.99)	(27.0)
JUMLAH		130.77	101.97	28.8	28.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

6.1.4. Analisis Audit mendapati justifikasi bagi empat (4) butiran hasil yang mencatatkan peningkatan hasil yang ketara pada tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
PENINGKATAN HASIL YANG KETARA PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BIL.	BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PENINGKATAN		JUSTIFIKASI
				(RM Juta)	(%)	
1.	Sumbangan Daripada Agensi Kerajaan	25.0	0	25.0	100.0	Pemberian Khas YAB Perdana Menteri Tahun 2019 pada 24 Disember 2019 berjumlah RM25 juta melalui surat Kementerian Kewangan Malaysia, rujukan MOF.NBO(R)600-12/9/2(24) bertarikh 23 Disember 2019 dan surat kelulusan daripada YAB Perdana Menteri pada 17 Disember 2019.
2.	Sewa Rumah PPR	5.21	0.86	4.35	505.8	Terimaan bayaran balik tunggakan sewaan PPR oleh Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) yang disewakan kepada pelajar sebagai penginapan pelajar di luar kampus.
3.	Premium Tanah – Tukar Syarat	3.74	2.20	1.54	70.0	Tawaran diskaun sebanyak 80% dan ke atas bagi tunggakan denda pelanggaran syarat yang ditawarkan kepada pemilik tanah.
4.	Permit Dolomite (Dolomit)	2.82	1.48	1.34	90.5	Permintaan terhadap batu kapur jenis dolomit meningkat.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

6.1.5. Analisis Audit mendapati justifikasi bagi empat (4) butiran hasil yang mencatatkan penurunan hasil yang ketara bagi tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
PENURUNAN HASIL YANG KETARA PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BIL.	BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PENURUNAN		JUSTIFIKASI
				(RM Juta)	(%)	
1.	Hasil Mempelam Harum Manis	0.23	0.86	(0.63)	(73.3)	Pengurangan pengeluaran hasil mempelam Harumanis pada tahun 2019.
2.	Terimaan Balik Bayaran Tahun-Tahun Lalu	0.29	0.77	(0.48)	(62.3)	Berlaku perubahan kod akaun bagi terimaan bayaran balik tunggakan hasil jualan air oleh Syarikat Air Perlis Sdn. Bhd. (SAP) kepada kod akaun 82217 (Bayaran Balik Pokok Pinjaman).
3.	Permit Perhutanan	0.20	0.46	(0.26)	(56.5)	Pada tahun 2018, Jabatan Perhutanan telah menerima bayaran tunggakan sewaan tapak menara telekomunikasi oleh pihak syarikat 148800-H sebanyak RM324,000. Tiada bayaran tunggakan yang melibatkan amaun besar diterima pada tahun 2019.
4.	Premium Tanah Yang Lain	2.67	3.70	(1.03)	(27.8)	Pengurangan kutipan disebabkan oleh pemilik tanah tidak menjelaskan bayaran premium sepenuhnya walaupun kelulusan pemberimilikan telah diberi.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

6.2. Perbelanjaan Mengurus

6.2.1. Perbelanjaan mengurus terdiri daripada Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Perbekalan. Perbelanjaan Tanggungan adalah perbelanjaan khusus yang diperuntukkan mengikut Perkara 98, Perlembagaan Persekutuan iaitu yang dipertanggungkan terus kepada Kumpulan Wang Disatukan seperti bayaran pence, ganjaran, pampasan dan pembayaran balik hutang awam. Perbelanjaan Perbekalan pula adalah untuk membiayai aktiviti dan kegiatan harian meliputi Emolumen, Perkhidmatan dan Bekalan, Aset, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap serta Perbelanjaan Lain.

6.2.2. Pejabat Perbendaharaan Negeri telah mengeluarkan Waran Am Bil. 1 Tahun 2019 bagi tujuan perbelanjaan mengurus berjumlah RM172.88 juta selaras dengan kelulusan Dewan Undangan Negeri Perlis. Peruntukan mengurus Kerajaan negeri telah disemak semula melibatkan peruntukan tambahan berjumlah RM0.07 juta dan waran sekatan berjumlah RM12.47 juta. Ini menjadikan peruntukan mengurus tahun 2019 berjumlah RM160.48 juta selepas semakan semula.

6.2.3. Analisis Audit mendapati peruntukan mengurus meningkat sebanyak RM7.97 juta atau 5.2% menjadi RM160.48 juta berbanding sejumlah RM152.51 juta yang diluluskan pada tahun 2018. Penambahan peruntukan mengurus bagi butiran Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap mencatatkan peningkatan tertinggi, iaitu sebanyak RM10.30 juta (39.3%) menjadi RM36.48 juta pada tahun 2019 berbanding RM26.18 juta pada tahun 2018. Peningkatan ini disebabkan Kerajaan negeri memperuntukkan pembayaran balik pinjaman Kerajaan Persekutuan dan tambahan peruntukan Akaun Amanah Pinjaman Badan Berkanun. Peruntukan bagi butiran Perkhidmatan dan Bekalan pula berkurang sebanyak RM4.33 juta (6.3%) pada tahun 2019 berbanding RM69.06 juta pada tahun 2018. Penurunan peruntukan ini disebabkan Kerajaan negeri mengamalkan perbelanjaan secara berdisiplin dan berhemat dalam pelaksanaan program dan aktiviti Kerajaan negeri. Kedudukan peruntukan mengurus Kerajaan negeri pada tahun 2019 berbanding tahun 2018 mengikut butiran perbelanjaan seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
PERUNTUKAN MENGURUS KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BIL.	BUTIRAN	PERUNTUKAN MENGURUS		PERUBAHAN	
		2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	54.47	54.33	0.14	0.3
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	64.73	69.06	(4.33)	(6.3)
3.	Aset	2.93	2.00	0.93	46.5

BIL.	BUTIRAN	PERUNTUKAN MENGURUS		PERUBAHAN	
		2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	36.48	26.18	10.30	39.3
5.	Perbelanjaan Lain	1.87	0.94	0.93	98.9
JUMLAH		160.48	152.51	7.97	5.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

6.2.4. Pada tahun 2019, perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri berjumlah RM152.54 juta atau 95.1% berbanding anggaran berjumlah RM160.48 juta. Perbelanjaan mengurus sebenar berbanding anggaran Kerajaan negeri pada tahun 2019 adalah seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
PERBELANJAAN MENGURUS SEBENAR
BERBANDING ANGGARAN KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2019

BIL.	BUTIRAN	ANGGARAN (RM Juta)	SEBENAR (RM Juta)	PRESTASI PERBELANJAAN	
				%	
1.	Emolumen	54.47	50.67	93.0	
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	64.73	62.04	95.8	
3.	Aset	2.93	2.41	82.3	
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	36.48	35.55	97.5	
5.	Perbelanjaan Lain	1.87	1.87	100	
JUMLAH		160.48	152.54	95.1	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019

6.2.5. Analisis Audit selanjutnya mendapati 33 perbelanjaan mengurus bagi 11 jabatan atau pejabat adalah kurang 50% daripada peruntukan asal. Peruntukan yang dibelanjakan berjumlah RM0.32 juta atau 34.8% berbanding peruntukan yang diluluskan berjumlah RM0.92 juta.

6.2.6. Pada tahun 2019, perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri telah meningkat sebanyak RM9.05 juta atau 6.3% menjadi RM152.54 juta berbanding RM143.49 juta bagi tahun 2018. Perbelanjaan meningkat disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan dalam butiran Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap, Perbelanjaan Lain, Aset dan Emolumen. Perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri pada tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
PERBELANJAAN MENGURUS PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BIL.	BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	50.67	50.00	0.67	1.3
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	62.04	65.52	(3.48)	(5.3)
3.	Aset	2.41	1.67	0.74	44.3
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	35.55	25.37	10.18	40.1
5.	Perbelanjaan Lain	1.87	0.93	0.94	101.1
JUMLAH		152.54	143.49	9.05	6.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

6.2.7. Analisis Audit mendapati punca peningkatan dalam perbelanjaan mengurus antaranya disebabkan peningkatan Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap sejumlah RM10.18 juta atau 40.1% berbanding perbelanjaan tahun 2018. Peningkatan ini disebabkan bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM6.61 juta dan tambahan peruntukan Akaun Amanah Pinjaman Badan Berkanun berjumlah RM4 juta. Selain itu, peningkatan Perbelanjaan Lain sejumlah RM0.94 juta atau 40.1% berbanding tahun 2018 disumbangkan oleh bayaran pulangan balik Wang Jaminan Pelaksanaan berjumlah RM0.91 juta. Peningkatan aset berjumlah RM0.74 juta atau 44.3% adalah bagi pembayaran penggantian sistem lif di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis dan penggantian sistem penyaman udara di Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis. Pertambahan perbelanjaan emolumen pula sebanyak RM0.67 juta atau 1.3% disebabkan oleh kenaikan gaji tahunan kakitangan, pengisian jawatan mengikut waran perjawatan yang diluluskan dan pemberian bantuan khas kewangan kepada penjawat awam. Justifikasi peningkatan ketara perbelanjaan mengurus pada tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
JUSTIFIKASI PENINGKATAN PERBELANJAAN MENGURUS
YANG KETARA PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BIL.	BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PENINGKATAN		JUSTIFIKASI
				(RM Juta)	(%)	
1.	Kos Kewangan	6.61	0.38	6.23	1,639.5	Bayaran balik Pinjaman Kerajaan Persekutuan berjumlah RM6.61 juta bagi bayaran pinjaman membayai projek PKENPs berjumlah RM3.84 juta, projek perumahan Padang Besar Perlis berjumlah RM0.23 juta, Projek Pembangunan Semula Istana Perlis di Kuala Lumpur berjumlah RM1.84 juta dan Projek Istana Perlis di Kuala Lumpur berjumlah RM0.70 juta.

BIL.	BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PENINGKATAN		JUSTIFIKASI
				(RM Juta)	(%)	
2.	Tuntutan Insurans dan Pampasan	1.85	0.12	1.73	1,441.7	Bayaran pampasan berdasarkan perintah mahkamah. Peningkatan ini disebabkan pembayaran yuran guaman kepada Zamri Ibrahim & Co berjumlah RM0.92 juta pada 08 Ogos 2019 dan RM0.92 juta pada 11 November 2019 bagi satu (1) penyelesaian kes di luar mahkamah antara Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis dengan Syarikat 598849-H.
3.	Pulangan Balik dan Hapuskira	0.93	0.08	0.85	1,062.5	Bayaran balik Wang Jaminan Pelaksanaan di bawah AP87(b) dan bayaran balik hasil cukai tanah PTG yang telah diakaunkan dalam Akaun Hasil Disatukan Negeri pada tahun sebelumnya.
4.	Bangunan dan Pembaikan Bangunan	0.85	0.13	0.72	553.8	Terdapat perbelanjaan pembaikan pembangunan berskala besar tahun 2019 iaitu penggantian lif di Jabatan Agama Islam Perlis dan penggantian sistem penyaman udara di bangunan Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis.
5.	Kenderaan dan Jentera, dan Pembaikan Kenderaan dan Jentera	0.72	0.26	0.46	176.9	Pembelian genset dan kenderaan jabatan oleh Jabatan Kerja Raya Negeri.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

6.2.8. Sementara itu, justifikasi penurunan ketara perbelanjaan mengurus pada tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
JUSTIFIKASI PENURUNAN PERBELANJAAN MENGURUS
YANG KETARA PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BIL.	BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PENURUNAN		JUSTIFIKASI
				(RM Juta)	(%)	
1.	Kemudahan dan Pembaikan Kemudahan	0.00	0.06	(0.06)	(100.0)	Tiada perbelanjaan bagi pembaikan kemudahan pada tahun 2019.
2.	Haiwan, Pokok dan Benih	0.03	0.11	(0.08)	(72.7)	Tiada pembelian anak benih Harumanis pada tahun 2019.
3.	Pengangkutan Barang-Barang	0.14	0.51	(0.37)	(72.5)	Pengurangan bayaran perpindahan pegawai.
4.	Bayaran Imbuhan Tahunan dan Bantuan Kewangan	1.15	1.86	(0.71)	(38.2)	Pengurangan bayaran Bantuan Khas Kewangan.
5	Kelengkapan dan Peralatan	0.81	1.10	(0.29)	(26.4)	Pembelian aset mengikut keperluan dan tiada pembelian aset yang berskala besar.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

6.2.9. Pembayaran di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

- a. Arahan Perbendaharaan 58(a) memperuntukkan bahawa bayaran terhadap bekalan/perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa. Pembayaran boleh dibuat dengan syarat jabatan mempunyai baki peruntukan yang mencukupi pada tahun di mana bekalan/perkhidmatan tersebut diterima dan tiada sebarang keraguan tentang sebab berlaku kelewatan pembayaran tersebut.
- b. Surat Pekeliling Bendahari Negeri Perlis Bilangan 3 Tahun 2019 telah mengeluarkan Garis Panduan Pembayaran Bagi Bulan Disember 2019 sebagai langkah bagi mengelak atau mengurangkan pembayaran di bawah AP58(a).
- c. Pada tahun 2019, sejumlah RM311,814 telah dibayar di bawah AP58(a) yang melibatkan 130 baucar bayaran di 10 jabatan/pejabat/PTJ. Jumlah terlibat adalah lebih rendah berbanding RM635,380 bagi 254 baucar bayaran pada tahun 2018. Ini menunjukkan pembayaran di bawah AP58(a) menurun sebanyak RM323,566 atau 50.9% berbanding tahun 2018. Pengurangan ini adalah disebabkan tindakan Bendahari Negeri Perlis yang telah mengeluarkan Garis Panduan Pembayaran Bagi Bulan Disember 2019 sebagai langkah mengelak dan mengurangkan pembayaran di bawah AP58(a). Butiran pembayaran di bawah peruntukan AP58(a) pada tahun 2019 dan 2018 adalah seperti dalam **Jadual 15.**

**JADUAL 15
PEMBAYARAN DI BAWAH PERUNTUKAN
ARAHAN PERBENDAHARAAN 58(a) PADA TAHUN 2019 DAN 2018**

BIL.	JABATAN/PEJABAT	2019		2018	
		BIL. BAUCAR BAYARAN	JUMLAH (RM)	BIL. BAUCAR BAYARAN	JUMLAH (RM)
1.	Pejabat DYMM Tuanku Raja Perlis	57	72,937	68	41,583
2.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	47	64,573	31	111,640
3.	Pejabat Bendahari Negeri	7	1,392	8	1,957
4.	Jabatan Kerja Raya	0	0	90	273,647
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	5	3,341	3	7,324
6.	Jabatan-Jabatan Lain*	14	169,571	54	199,229
JUMLAH		130	311,814	254	635,380

Sumber: Rekod Kewangan di Pejabat Perbendaharaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

Nota: (*) – Jabatan-Jabatan Lain (Tahun 2019 - 5 Jabatan; Tahun 2018 - 7 Jabatan)

- d. Semakan Audit selanjutnya mendapati satu (1) permohonan pembayaran di bawah AP58(a) yang melibatkan tuntutan kemudahan perubatan berjumlah RM9,722 yang diluluskan pada 6 Mac 2020 tidak dibuat pembayaran. Hal ini

kerana Kementerian Kesihatan Malaysia mengesahkan kemudahan tersebut tidak layak dituntut. Perbelanjaan di bawah AP58(a) pada tahun 2019 antaranya melibatkan bayaran gaji dan elaun, elaun lebih masa, tuntutan perjalanan, bayaran bil utiliti dan bayaran petrol yang lewat diterima. Kelewatan menerima bil dan tuntutan daripada pegawai merupakan punca utama berlakunya pembayaran di bawah AP 58(a). Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 16** dan **Jadual 17**.

JADUAL 16
PEMBAYARAN AP58(a) MENGIKUT JENIS PERBELANJAAN

BIL.	JENIS PEMBAYARAN	BIL BAUCAR	JUMLAH (RM)
1.	Utiliti	8	151,216
2.	Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	52	48,804
3.	Perkhidmatan Iktisas dan Perkhidmatan Lain	8	42,815
4.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan	3	27,451
5.	Elaun Lebih Masa	49	27,295
6.	Pembelian Minyak	5	12,619
7.	Faedah-Faedah Kewangan yang Lain	5	1,614
JUMLAH		130	311,814

Sumber: Rekod Kewangan di Pejabat Perbendaharaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

JADUAL 17
TEMPOH PEMBAYARAN AP58(a)

BIL.	TEMPOH PEMBAYARAN	BILANGAN	JUMLAH (RM)
1.	1 - 14 Hari	83	82,991
2.	15 - 60 Hari	8	11,813
3.	61 - 90 Hari	5	155,405
4.	91 - 120 Hari	0	-
5.	121 - 150 Hari	3	3,872
6.	> 150 Hari	31	57,733
JUMLAH		130	311,814

Sumber: Rekod Kewangan di Pejabat Perbendaharaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

- e. Selain itu, kesemua pembayaran di bawah AP58(a) tahun 2019, 2018, 2017, 2016 dan 2015 yang tidak mempunyai baki peruntukan mencukupi mengikut tahun perkhidmatan dilaksanakan/diterima telah mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri untuk pembayaran.

7. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

- 7.1. Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut Seksyen 7(b), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini digunakan untuk mengakaunkan semua pinjaman yang

diterima daripada Kerajaan Persekutuan sebelum dipindahkan ke dalam Akaun Kumpulan Wang tertentu. Pada tahun 2019, Kerajaan negeri menerima pinjaman berjumlah RM17.84 juta. Pinjaman ini adalah untuk Projek Pembinaan Kompleks Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis berjumlah RM16.86 juta dan Projek Pembinaan Istana Raja Muda Perlis di Kangar berjumlah RM0.98 juta. Wang pinjaman yang diterima ini kemudiannya telah dipindahkan ke dalam Kumpulan Wang Pembangunan. Kedudukan baki Akaun Pinjaman Disatukan pada tahun 2018 dan 2019 adalah seperti dalam **Jadual 18**.

JADUAL 18
KEDUDUKAN BAKI AKAUN PINJAMAN DISATUKAN
PADA TAHUN 2019 DAN 2018

BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PENINGKATAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	0.00	0.00	0.00	0.0
Terimaan	17.84	11.38	6.46	56.8
Bayaran	17.84	11.38	6.46	56.8
BAKI PADA 31 DISEMBER	0.00	0.00	0.00	0.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

8. AKAUN AMANAH DISATUKAN

8.1. Akaun Amanah Disatukan adalah sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan yang diwujudkan di bawah Seksyen 7(c), Akta Tatacara Kewangan 1957. Ia terdiri daripada tiga (3) kumpulan wang, iaitu Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Wang Deposit. Semua penerimaan dan pembayaran wang amanah diakaunkan mengikut kehendak Arahan Amanah di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. Pada akhir tahun 2019, baki Akaun Amanah Disatukan berjumlah RM500.25 juta berbanding RM475.82 juta pada tahun 2018, iaitu peningkatan sebanyak RM24.43 juta atau 5.1%. Kedudukan Akaun Amanah Disatukan pada akhir tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 19**.


JADUAL 19
KEDUDUKAN AKAUN AMANAH DISATUKAN
PADA AKHIR TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:				
i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	410.19	376.27	33.92	9.0
• Kumpulan Wang Pembangunan	20.38	11.63	8.75	75.2
• Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	389.81	364.64	25.17	6.9
ii) Kumpulan Wang Amanah Awam	32.50	36.07	(3.57)	(9.9)
iii) Akaun Wang Deposit	57.56	63.48	(5.92)	(9.3)
BAKI PADA 31 DISEMBER	500.25	475.82	24.43	5.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

8.2. Analisis Audit menunjukkan peningkatan baki Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2019 disebabkan oleh peningkatan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan sebanyak RM25.17 juta. Ia terdiri daripada peningkatan Akaun Pendahuluan dari Kerajaan Persekutuan berjumlah RM19.06 juta, Akaun Pinjaman Kakitangan berjumlah RM4.26 juta dan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan-Jalan Negeri berjumlah RM1.82 juta. Selain itu, baki Kumpulan Wang Pembangunan juga menunjukkan peningkatan sebanyak RM8.75 juta pada tahun 2019. Kedudukan Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2015 hingga 2019 seperti dalam **Carta 3**.

CARTA 3
KEDUDUKAN AKAUN AMANAH DISATUKN
PADA AKHIR TAHUN 2015 HINGGA 2019



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 hingga 2019

8.3. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk maksud tertentu. Ia terdiri daripada tiga (3) kumpulan wang iaitu Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah. Kumpulan wang ini berbentuk pusingan dan pembayarannya tidak melebihi had peruntukan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Perlis.

8.3.1. Kumpulan Wang Pembangunan

- a. Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan Tahun 1966 (Akta 406). Sumber kewangan bagi kumpulan wang

ini terdiri daripada pemberian Kerajaan Persekutuan dan pindahan Akaun Pinjaman Disatukan. Kumpulan Wang Pembangunan hanya boleh dibelanjakan bagi maksud yang ditentukan oleh Akta tersebut.

- b. Terimaan kumpulan wang pada tahun 2019 berjumlah RM62.09 juta yang antaranya terdiri daripada Geran Pemberian Tahap Pembangunan, Ekonomi dan Kesejahteraan Hidup daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM28.23 juta; Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian II berjumlah RM14.33 juta; Ansuran Perumahan Awam berjumlah RM1.12 juta, Jualan Perumahan Kos Rendah berjumlah RM0.57 juta dan pindahan daripada Akaun Pinjaman Disatukan berjumlah RM17.84 juta.
- c. Perbelanjaan pembangunan pada tahun 2019 berjumlah RM53.34 juta, menunjukkan peningkatan sebanyak RM10.78 juta atau 25.3% berbanding RM42.56 juta pada tahun 2018. Baki terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2019 berjumlah RM20.38 juta, peningkatan sebanyak RM8.75 juta atau 75.2% berbanding RM11.63 juta pada tahun 2018. Peningkatan ini disebabkan Kerajaan negeri menerima Geran Pemberian Pertambahan Hasil daripada Kerajaan Persekutuan dan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan pada tahun semasa. Baki Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 20**.

JADUAL 20
KEDUDUKAN BAKI KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN
PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	11.63	3.53	8.10	229.5
Penerimaan	62.09	50.66	11.43	22.6
Perbelanjaan	53.34	42.56	10.78	25.3
Lebihan / Defisit Semasa	8.75	8.10	0.65	8.0
BAKI PADA 31 DISEMBER	20.38	11.63	8.75	75.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

- d. Peruntukan kewangan bagi perbelanjaan pembangunan pada tahun 2019 adalah berjumlah RM55.28 juta. Berdasarkan peruntukan tersebut, sejumlah RM53.34 juta (96.5%) telah dibelanjakan. Jabatan Kerja Raya mencatatkan peningkatan perbelanjaan tertinggi, iaitu sebanyak RM10.06 juta (62.4%) menjadi RM26.19 juta pada tahun 2019 berbanding RM16.13 juta pada tahun 2018. Perbelanjaan sejumlah RM26.19 juta antaranya adalah bagi membiayai perbelanjaan Pembinaan Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis (SUK), Istana Raja Muda Perlis di Kangar dan Istana Perlis di Kuala Lumpur berjumlah

RM20.42 juta. Projek lain adalah Menaik Taraf Jalan-Jalan Negeri dan Persimpangan Jalan-Jalan Negeri berjumlah RM2.95 juta dan Membina Tambahan/Masjid Baru berjumlah RM1.40 juta. Kedudukan perbelanjaan pembangunan mengikut jabatan/pejabat pada akhir tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 21**.

JADUAL 21
KEDUDUKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN
PADA AKHIR TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BIL.	JABATAN/PEJABAT	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Jabatan Kerja Raya	26.19	16.13	10.06	62.4
2.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	15.60	11.82	3.78	32.0
3.	Jabatan Pengairan dan Saliran	6.90	8.66	(1.76)	(20.3)
4.	Jabatan Pertanian	3.42	3.29	0.13	4.0
5.	Jabatan Perhutanan	0.76	0.09	0.67	744.4
6.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	0.47	2.57	(2.10)	(81.7)
JUMLAH		53.34	42.56	10.78	25.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

- e. Perancangan bajet pembangunan disediakan oleh Kerajaan negeri secara tahunan seiring dengan dasar dan strategi pembangunan sosio ekonomi negeri dan selari dengan keperluan untuk mencapai *outcome* di peringkat jabatan dan negeri. Daripada RM55.28 juta yang diperuntukkan kepada enam (6) jabatan/pejabat bagi tahun 2019, sebanyak RM53.34 juta (96.5%) telah dibelanjakan. Didapati tiga (3) daripada enam (6) jabatan/pejabat telah mencapai prestasi perbelanjaan melebihi 97%. Pencapaian perbelanjaan pembangunan di bawah RMKe-11 mengikut jabatan/pejabat pada tahun 2019 adalah seperti dalam **Jadual 22**.

JADUAL 22
PENCAPAIAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN
DI BAWAH RMKe-11 PADA TAHUN 2019

BIL.	JABATAN/PEJABAT	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN	
			(RM Juta)	(%)
1.	Jabatan Kerja Raya	26.65	26.19	98.3
2.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	16.98	15.60	91.9
3.	Jabatan Pengairan dan Saliran	6.91	6.90	99.9
4.	Jabatan Pertanian	3.43	3.42	99.7
5.	Jabatan Perhutanan	0.80	0.76	95.0
6.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	0.51	0.47	92.2
JUMLAH		55.28	53.34	96.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri

f. Bagi menjayakan RMKe-11 Negeri Perlis, peruntukan kewangan sejumlah RM533.98 juta telah diluluskan oleh Kerajaan negeri bagi tempoh lima (5) tahun (2016 - 2020) untuk melaksanakan pelbagai projek pembangunan oleh enam (6) jabatan/pejabat negeri. Jabatan Kerja Raya menerima peruntukan pembangunan tertinggi berjumlah RM310.18 juta (58.1%), diikuti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri berjumlah RM96.70 juta (18.1%). Seterusnya ialah Jabatan Pengairan dan Saliran yang diperuntukkan sejumlah RM47.50 juta (8.9%), Jabatan Pertanian berjumlah RM43.72 juta (8.2%), Jabatan Perkhidmatan Veterinar berjumlah RM19.05 juta (3.6%) dan Jabatan Perhutanan berjumlah RM16.83 juta (3.1%). Keseluruhan perbelanjaan di bawah RMKe-11 sehingga 31 Disember 2019 berjumlah RM169.25 juta, iaitu 31.7% daripada RM533.98 juta yang diperuntukkan. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 23**.

JADUAL 23
PERUNTUKAN PEMBANGUNAN YANG TELAH DILULUSKAN BERBANDING PERBELANJAAN SEPANJANG RMKe-11 YANG BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2019

BIL.	JABATAN/PEJABAT	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN	
			(RM Juta)	(%)
1.	Jabatan Kerja Raya	310.18	62.86	20.3
2.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	96.70	48.65	50.3
3.	Jabatan Pengairan dan Saliran	47.50	32.00	67.4
4.	Jabatan Pertanian	43.72	14.58	33.3
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	19.05	8.10	42.5
6.	Jabatan Perhutanan	16.83	3.06	18.2
JUMLAH		533.98	169.25	31.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri

g. Status Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-11 Tahun 2019

i. Pada tahun 2019, sebanyak 692 projek pembangunan RMKe-11 telah dirancang untuk dilaksanakan oleh enam (6) jabatan/pejabat. Sejumlah 686 projek (99.1%) telah siap dilaksanakan mengikut jadual, enam (6) projek (0.9%) masih dalam pelaksanaan dan tiada projek yang ditangguhkan. Status pencapaian pelaksanaan projek pembangunan RMKe-11 pada tahun 2019 adalah seperti dalam **Jadual 24** dan **Carta 4**.

JADUAL 24
STATUS PENCAPAIAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RMKe-11 PADA TAHUN 2019

BIL.	JABATAN/PEJABAT	BIL. PROJEK TAHUN 2019	PROJEK SIAP DILAKUKAN	PROJEK DALAM PELAKSANAAN	PROJEK DITANGGUHKAN
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	498	496	2	0
2.	Jabatan Kerja Raya	19	15	4	0
3.	Jabatan Pengairan dan Saliran	90	90	0	0

BIL.	JABATAN/PEJABAT	BIL. PROJEK TAHUN 2019	PROJEK SIAP DILAKSANAKAN	PROJEK DALAM PELAKSANAAN	PROJEK DITANGGUHKAN
4.	Jabatan Pertanian	60	60	0	0
5.	Jabatan Perhutanan	4	4	0	0
6.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	21	21	0	0
JUMLAH		692	686	6	0

Sumber: Bahagian Perancang Ekonomi Negeri dan Jabatan/Pejabat Negeri

CARTA 4
STATUS PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RMKe-11 PADA TAHUN 2019



Sumber: Bahagian Perancang Ekonomi Negeri dan Jabatan Negeri

- ii. Terdapat enam (6) projek sedang dalam peringkat pelaksanaan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jabatan Kerja Raya. Projek terlibat adalah Pembinaan Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis (SUK); Istana Raja Muda Perlis di Kangar; dan Membina Gerai di Kawasan Medan Selera Padang Besar (U) Perlis. Projek lain ialah Kerja-Kerja Membina Dataran Laman Ikan Bakar di Kompleks Makanan Laut Kuala Perlis; Kerja-Kerja Menaik Taraf Jalan Belakang Pasar Sena, Mukim Sena; dan Naiktaraf Masjid Nurul Hikmah Wang Bintong.

8.4. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini terdiri daripada Akaun Penyelesaian Kerajaan, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah. Pada akhir tahun 2019, baki akaun ini meningkat sebanyak RM25.17 juta atau 6.9% menjadi RM389.81 juta berbanding RM364.64 juta pada tahun 2018. Peningkatan Akaun Penyelesaian Kerajaan adalah disebabkan Pendahuluan Daripada Kerajaan

Persekutuan kepada Kerajaan negeri meningkat sebanyak RM19.09 juta menjadi RM241.50 juta berbanding RM222.41 juta manakala Akaun Penyelesaian (Akaun Kawalan) menurun sebanyak RM0.03 juta berbanding RM0.03 juta pada tahun 2018. Peningkatan juga belaku kerana terdapat penambahan peruntukan Akaun Pinjaman Kepada Badan Berkanun sejumlah RM4 juta. Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 25**.

JADUAL 25
KEDUDUKAN PELBAGAI KUMPULAN WANG
AMANAH KERAJAAN PADA AKHIR TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BIL.	BUTIRAN	2019	2018	PERUBAHAN	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Penyelesaian Kerajaan	241.50	222.44	19.06	8.6
2.	Akaun Pinjaman	13.94	9.68	4.26	44.0
3.	Kumpulan Wang Luar Jangka	0.50	0.50	0.00	0.0
4.	Pelbagai Kumpulan Wang Amanah	133.87	132.02	1.85	1.4
BAKI PADA 31 DISEMBER		389.81	364.64	25.17	6.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan negeri Tahun 2019 dan 2018

8.4.1. Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri

- a. Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya diwujudkan oleh Kerajaan negeri pada tahun 2014 mengikut Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. Tujuan Kumpulan Wang Amanah ini adalah bagi merekod pemberian Kerajaan Persekutuan berdasarkan peruntukan Perkara 109(1)(b), Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan ini adalah untuk membiayai kos penyenggaraan jalan raya negeri dan lain-lain perbelanjaan pengurusan berkaitan yang dilaksanakan oleh JKR, JPS, Majlis Perbandaran Kangar (MPK) dan PSUK menerusi Bahagian Pentadbiran Daerah (BPD) dan Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT). Mengikut Sistem Maklumat Rekod Jalanraya Malaysia (MARRIS), jalan raya Negeri yang disenggarakan pada tahun 2019 adalah sepanjang 2,297.075 kilometer berkurangan sebanyak 190.673 kilometer berbanding 2,487.748 kilometer pada tahun 2018. Kerajaan negeri memaklumkan bahawa pengurangan ini disebabkan oleh proses pemutihan data dan rekod jalan negeri yang melibatkan aktiviti penghapusan nama-nama jalan yang bertindih dalam MARRIS.

- b. Baki Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri pada akhir tahun 2019 adalah berjumlah RM118.52 juta berbanding RM116.69 juta pada akhir tahun 2018, iaitu peningkatan sebanyak RM1.83 juta atau 1.6%. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri pada tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 26**.

JADUAL 26
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH PENYENGGARAAN
JALAN NEGERI PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018

PERKARA	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	116.69	113.10	3.59	3.1
Terimaan	29.77	32.54	(2.77)	(8.5)
Perbelanjaan	27.94	28.95	(1.01)	(3.5)
BAKI PADA 31 DISEMBER	118.52	116.69	1.83	1.6
% Penggunaan	93.9	89.0		


Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

- c. Terimaan pemberian penyenggaraan jalan raya daripada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2019 telah menurun sebanyak RM2.77 juta, atau 8.5% menjadi RM29.77 juta berbanding RM32.54 juta pada tahun 2018. Pengurangan ini disebabkan jalan raya negeri yang disenggarakan pada tahun 2019 adalah sepanjang 2,297.075 kilometer, berkurangan sebanyak 190.673 kilometer berbanding 2,487.748 kilometer pada tahun 2018. Kerajaan negeri telah membelanjakan sejumlah RM27.94 juta atau 93.9% daripada jumlah terimaan tahun 2019 berbanding RM28.95 juta atau 89% daripada jumlah terimaan tahun 2018. Pada tahun 2019, JKR telah berbelanja sejumlah RM19.91 juta, BPD sejumlah RM4.73 juta dan JPS sejumlah RM3.3 juta.

8.4.2. Akaun Pendahuluan Daripada Kerajaan Persekutuan

- a. Akaun Pendahuluan Daripada Kerajaan Persekutuan merekodkan terimaan dan pembayaran yang dibuat oleh Kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan. Pendahuluan yang diterima ini digunakan untuk membiayai perbelanjaan mengurus dan pembangunan Kerajaan negeri. Pada akhir tahun 2019, baki Akaun Pendahuluan Daripada Kerajaan Persekutuan meningkat sebanyak RM19.09 juta atau 8.6% menjadi RM241.50 juta berbanding RM222.41 juta pada tahun 2018. Kedudukan baki Akaun Pendahuluan Daripada Kerajaan Persekutuan pada akhir tahun 2015 hingga 2019 adalah seperti dalam **Carta 5**.

CARTA 5
KEDUDUKAN BAKI AKAUN PENDAHULUAN DARIPADA
KERAJAAN PERSEKUTUAN PADA AKHIR TAHUN 2015 HINGGA 2019



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan negeri Tahun 2015 hingga 2019

- b. Analisis Audit mendapati Kementerian Kewangan Malaysia telah bersetuju meluluskan bantuan kewangan dalam bentuk Pendahuluan Kepada Kerajaan Negeri Perlis berjumlah RM80 juta yang disalurkan pada 22 Oktober 2019 bagi menampung aliran tunai Kerajaan Negeri Perlis. Pendahuluan ini dipersetujui dibayar melalui *off-set* dengan Geran Pemberian Kerajaan Persekutuan bagi tempoh empat (4) tahun iaitu mulai 2024 hingga 2027.
- c. Pada tahun 2019, pembayaran balik Pendahuluan Daripada Kerajaan Persekutuan adalah mengikut jadual yang ditetapkan berjumlah RM60.91 juta. Pembayaran telah dibuat secara *off-set* dengan tujuh (7) pemberian Kerajaan Persekutuan seperti berikut:
 - i. Pemberian Hitung Kepala berjumlah RM2.31 juta;
 - ii. Pemberian Senarai Bersama berjumlah RM10 juta;
 - iii. Pemberian Bayaran Tahap Pembangunan Ekonomi berjumlah RM18 juta;
 - iv. Pemberian Bayaran Perkhidmatan Kepada Kerajaan negeri berjumlah RM5 juta;
 - v. Pemberian Hitung Kepala Kedua berjumlah RM3.6 juta;
 - vi. Pemberian Kekurangan Hasil berjumlah RM15 juta; dan
 - vii. Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian II berjumlah RM7 juta.

- d. Semakan selanjutnya mendapati jumlah tunggakan bayaran balik pendahuluan daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM3 juta pada tahun 2017 dan RM4 juta pada tahun 2018 yang sepatutnya sudah diselesaikan, masih lagi tertunggak sehingga 31 Disember 2019.

8.4.3. Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Hutan

- a. Kumpulan Wang ini diwujudkan mengikut Seksyen 56, Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313) dan Seksyen 9(3) Akta Tatacara Kewangan 1957. Tujuan penubuhannya adalah untuk melaksanakan pelbagai projek seperti menyedia, melaksana dan mengkaji semula rancangan pengurusan hutan negeri. Punca kewangan bagi kumpulan wang ini adalah pindahan daripada Akaun Hasil Disatukan dan kutipan ses kayu balak. Akaun ini dikendalikan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perlis dan diletakkan di bawah Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.
- b. Pada tahun 2019, baki Kumpulan Wang Amanah meningkat sebanyak RM24,045 atau 7.3% menjadi RM354,850 berbanding RM330,805 pada tahun 2018. Penerimaan pada tahun 2019 berjumlah RM24,045 merupakan pungutan ses perhutanan. Manakala tiada pembayaran dilakukan sepanjang tahun 2019 dan 2018. Kedudukan Akaun Amanah Kumpulan Wang Pembangunan Hutan pada tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 27**.

JADUAL 27
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH
PEMBANGUNAN HUTAN PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018

PERKARA	2019 (RM)	2018 (RM)	PERUBAHAN	
			(RM)	(%)
Baki Pada 1 Januari	330,805	317,253	13,552	4.3
Terimaan	24,045	13,552	10,493	77.4
Perbelanjaan	0.00	0.00	0.00	0.0
BAKI PADA 31 DISEMBER	354,850	330,805	24,045	7.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

- c. Semakan Audit mendapati Jabatan Perhutanan tidak menyediakan Penyata Akaun Terimaan dan Bayaran bagi Akaun Amanah Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Hutan selaras dengan kehendak Akta Perhutanan Negara 1984. Seksyen 59 (1) dan (2) Akta Perhutanan Negara 1984 menyatakan Jawatankuasa hendaklah menyelenggara akaun dan rekod lain yang sempurna mengenai pengendalian kumpulan wang itu, dan perlu menyediakan suatu penyata akaun bagi setiap tahun kewangan. Penyata berkenaan perlu diserah kepada Jabatan Audit Negara untuk diaudit pada tiap-tiap tahun oleh Ketua Audit Negara.

Maklum Balas Pejabat Perbendaharaan Negeri yang diterima pada 16 Jun 2020

Bahagian Pengurusan Perakaunan, Pejabat Perbendaharaan Negeri telah memaklumkan mengenai keperluan penyediaan Penyata Terimaan dan Bayaran kepada Jabatan Perhutanan Negeri Perlis melalui surat BN.Ps.03/053 Jld.5 (82) bertarikh 9 Jun 2020. Penyata ini akan disediakan mulai tahun 2020.

8.5. Kumpulan Wang Amanah Awam

8.5.1. Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 yang terdiri daripada Kumpulan Wang Khas Kerajaan Negeri dan Wang Amanah yang diterima bagi maksud tertentu. Pengurusan akaun ini dibuat mengikut Arahan Amanah yang diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri. Pada tahun 2019, baki Kumpulan Wang Amanah Awam menurun sebanyak RM3.57 juta atau 9.9% menjadi RM32.50 juta berbanding RM36.07 juta pada tahun 2018. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Awam pada tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 28**.

JADUAL 28
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG
AMANAH AWAM PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018

PERKARA	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	36.07	42.68	(6.61)	(15.5)
Penerimaan	22.63	47.96	(25.33)	(52.8)
Pembayaran	26.21	54.57	(28.36)	(52.0)
BAKI PADA 31 DISEMBER	32.50	36.07	(3.57)	(9.9)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

8.5.2. Penurunan ini antaranya disebabkan oleh perbelanjaan yang ketara menerusi Akaun Amanah Pembangunan berjumlah RM5.66 juta, Akaun Amanah Gantian Rumah Kos Rendah berjumlah RM1.05 juta dan Akaun Amanah Dana Khas Kementerian Kewangan 1 berjumlah RM0.50 juta. Pada tahun 2019, Kerajaan negeri telah mewujudkan satu (1) Akaun Amanah baharu, iaitu Akaun Amanah Dana Pemantapan Pentadbiran Keluarga Islam di bawah tanggungjawab Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Perlis. Tujuan penubuhan akaun amanah ini adalah bagi mengendalikan bayaran pengurusan dan Program Pemantapan Pentadbiran Keluarga Islam JAIPs di Perlis. Butiran lanjut akaun amanah yang baharu diwujudkan ini adalah seperti dalam **Jadual 29**.

JADUAL 29
AKAUN AMANAH YANG BAHARU DIWUJUDKAN PADA TAHUN 2019

BIL.	NAMA AKAUN AMANAH	TUJUAN	BAKI PADA 31 DISEMBER 2019 (RM Juta)
1.	Akaun Amanah Dana Pemantapan Pentadbiran Keluarga Islam	Untuk menerima sumbangan wang dan membuat bayaran bagi pengurusan serta program Pemantapan Pentadbiran Keluarga Islam JAIPs.	0.00

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019

8.6. Akaun Deposit

8.6.1. Deposit adalah wang yang diterima oleh jabatan bagi sesuatu maksud mengikut undang-undang tertentu atau perjanjian yang dipegang untuk satu jangka masa tertentu. Wang deposit akan dikembalikan setelah maksudnya tercapai atau dijadikan hasil apabila pendeposit tidak dapat dikenal pasti dan tidak dituntut. Pada akhir tahun 2019, Kerajaan negeri mempunyai 24 akaun deposit berjumlah RM57.56 juta yang diselenggarakan oleh 11 Jabatan.

8.6.2. Pada tahun 2019, baki Akaun Deposit bagi 11 jabatan/pejabat adalah berjumlah RM57.56 juta. Lima (5) jabatan/pejabat mempunyai baki deposit melebihi RM1.0 juta dan enam (6) Jabatan/Pejabat lain mempunyai deposit di antara RM3,194.85 hingga RM0.21 juta. Baki deposit pada tahun 2019 menurun sebanyak RM5.92 juta atau 9.3% berbanding tahun 2018 berjumlah RM63.48 juta. Kedudukan deposit pada akhir tahun 2019 berbanding tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 30**.

JADUAL 30
KEDUDUKAN DEPOSIT PADA AKHIR TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BIL.	JABATAN/PEJABAT	BIL. AKAUN DEPOSIT	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
					(RM Juta)	(%)
1.	Jabatan Kerja Raya	3	26.26	28.49	(2.23)	(7.8)
2.	Jabatan Tanah dan Galian	2	21.03	21.40	(0.37)	(1.7)
3.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	4	1.61	5.18	(3.57)	(69.0)
4.	Jabatan Kerja Raya (Bekalan Air)	1	4.82	4.82	0.00	0.0
5.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	3	3.45	3.14	0.31	9.9
6.	Jabatan Pengairan dan Saliran	3	0.21	0.32	(0.11)	(34.4)
7.	Jabatan Perhutanan	1	0.11	0.06	0.05	83.3
8.	Jabatan Pertanian	1	0.06	0.04	0.02	50.0
9.	Jabatan Veterinar	1	0.01	0.01	0.00	0.0
10.	Jabatan/Pejabat Lain*	2	0.01	0.02	(0.01)	(50.0)
JUMLAH		24	57.56	63.48	(5.92)	(9.3)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

Nota: (*) Jabatan/pejabat Lain melibatkan dua (2) jabatan

8.6.3. Mengikut Arahan Perbendaharaan 162, deposit yang tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan kepada pendeposit, hendaklah diwartakan. Sekiranya deposit berkenaan masih tidak dituntut selepas tiga (3) bulan, ia hendaklah dikreditkan ke Akaun Hasil Disatukan. Analisis Audit mendapati sejumlah RM44.86 juta deposit masih belum diwartakan melibatkan pendeposit pada tahun 1974 hingga 2018 seperti dalam **Jadual 31**.

JADUAL 31
DEPOSIT TIDAK DITUNTUT DARI TAHUN 1974 SEHINGGA 2018

BIL.	JABATAN/PEJABAT	BIL. AKAUN DEPOSIT	PURATA/JULAT TAHUN	JUMLAH (RM Juta)
1.	Jabatan Tanah dan Galian Perlis	2	1974-2018	19.71
2.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	2	1981-2018	3.06
3.	Jabatan Perhutanan Negeri Perlis	2	1986-2018	0.06
4.	Jabatan Kerja Raya (Bekalan Air)	1	2014	4.82
5.	Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis	3	2011-2018	16.00
6.	Pejabat Perbendaharaan Negeri Perlis	3	2013-2018	1.09
7.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Perlis	3	2015-2018	0.07
8.	Jabatan Pertanian Negeri Perlis	2	2016-2018	0.03
9.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perlis	1	2015-2016	0.01
10.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perlis	1	2015-2018	0.01
JUMLAH		20		44.86

Sumber: Jabatan Audit Negara

8.6.4. Semakan Audit terhadap Akaun Deposit Cagaran Bekalan Air berjumlah RM4.82 juta di bawah Jabatan Kerja Raya (Bekalan Air) mendapati tiada perubahan sejak dari tahun 2014 sehingga 31 Disember 2019 dan masih belum diambil tindakan atau pelarasan ke akaun Syarikat Air Perlis.

Maklum Balas Pejabat Perbendaharaan Negeri yang diterima pada 16 Jun 2020

Pejabat Perbendaharaan Negeri telah memaklumkan kepada Syarikat Air Perlis Sdn. Bhd. (SAP) mengenai keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bil. 51/2020 yang bersidang pada 25 Mac 2020. MMKN antara lain telah bersetuju supaya Perbendaharaan Negeri membuat pemindahan keseluruhan deposit Cagaran Bekalan Air kepada SAP secara berperingkat-peringkat sebanyak RM1 juta setiap tahun bermula tahun 2021. Surat makluman PSUK tersebut bernombor rujukan UPEN.Ps. 02/165 JLD 16(45) bertarikh 20 April 2020.

9. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum ialah penyata yang menunjukkan aset dan liabiliti Kerajaan negeri yang boleh dilupuskan atau boleh dilunaskan pada masa akan datang yang tidak dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Penyata ini terdiri daripada Penyata Akaun Memorandum Aset dan Penyata Akaun Memorandum Liabiliti. Penyata Akaun Memorandum Aset menunjukkan kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan. Penyata Akaun Memorandum Liabiliti menunjukkan baki Hutang Awam Kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan yang belum diselesaikan pada penutupan tahun kewangan dan Pelbagai Liabiliti.

9.1. Pinjaman Boleh Dituntut

9.1.1. Pinjaman Boleh Dituntut adalah pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan negeri kepada Agensi negeri dengan menggunakan sumber Kerajaan negeri atau pinjaman yang diperoleh daripada Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 2019, baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sebanyak RM0.79 juta atau 0.7% menjadi RM108.93 juta, berbanding RM109.72 juta pada tahun 2018. Ia merupakan Pinjaman Boleh Dituntut yang diberikan kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs), Syarikat Air Perlis Sdn. Bhd. (SAP) dan Yayasan Islam Perlis (YIPs). Kedudukan baki Pinjaman Boleh Dituntut pada akhir tahun 2019 dan 2018 adalah seperti dalam **Jadual 32**.

JADUAL 32
KEDUDUKAN BAKI PINJAMAN BOLEH DITUNTUT
OLEH KERAJAAN NEGERI PADA AKHIR TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BIL.	AGENSI NEGERI	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	Perubahan	
				(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	101.91	102.08	(0.17)	(0.2)
2.	Syarikat Air Perlis Sdn. Bhd.	5.28	5.97	(0.69)	(11.6)
3.	Yayasan Islam Perlis	1.74	1.67	0.07	4.2
JUMLAH		108.93	109.72	(0.79)	(0.7)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

9.1.2. Analisis Audit mendapati pada tahun 2019, PKENPs dan SAP membuat pembayaran balik pinjaman masing-masing berjumlah RM0.17 juta dan RM0.69 juta. Pinjaman Boleh Dituntut oleh YIPs meningkat sebanyak RM0.07 atau 4.2% menjadi RM1.74 juta berbanding RM1.67 juta pada tahun 2018. Peningkatan ini disebabkan Kerajaan negeri telah meluluskan pinjaman kepada YIPs berjumlah RM70,000 melalui surat Pejabat Perbendaharaan Negeri Perlis bertarikh 18 Disember 2019 bagi pendahuluan bayaran emolumen kakitangan YIPs bulan Disember 2019.

Bagaimanapun, semakan Audit mendapati surat perjanjian pinjaman antara Kerajaan negeri dan YIPs tidak disediakan sehingga tarikh pengauditan.

Maklum Balas Pejabat Perbendaharaan Negeri yang diterima pada 07 Julai 2020

Pejabat Perbendaharaan Negeri telah menyediakan satu salinan Perjanjian Pinjaman antara Kerajaan Negeri Perlis dengan Yayasan Islam Perlis, bernombor rujukan PERBPS/BP/2019/001 yang bertarikh 23 Jun 2020.

9.1.3. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut

- a. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut merangkumi bayaran balik pinjaman yang matang, tetapi belum diterima daripada Agensi negeri. Pada 31 Disember 2019, baki tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Agensi berjumlah RM87.85 juta menurun sebanyak RM0.91 juta atau 1% berbanding RM88.76 juta pada tahun 2018. Pada tahun 2019, Agensi sepatutnya membayar ansuran pinjaman Kerajaan negeri berjumlah RM90.38 juta yang terdiri daripada bayaran anuiti tahun semasa sejumlah RM1.62 juta dan tunggakan berjumlah RM88.76 juta. Kedudukan tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut pada akhir tahun 2019 adalah seperti dalam **Jadual 33**.

JADUAL 33
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK
PINJAMAN BOLEH DITUNTUT PADA AKHIR TAHUN 2019

AGENSI NEGERI	TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PADA 1.1.2019	ANUITI TAHUN 2019	JUMLAH PATUT DIJELASKAN PADA TAHUN 2019	JUMLAH DIJELASKAN/PENJADUALAN SEMULA PADA TAHUN 2019	TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PADA 31.12.2019
	(RM Juta)				(RM Juta)
Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	86.78	1.24	88.02	0.17	87.85
Syarikat Air Perlis Sdn. Bhd.	0.31	0.38	0.69	0.69	0.00
Yayasan Islam Perlis	1.67	0.00	1.67	1.67	0.00
JUMLAH	88.76	1.62	90.38	2.53	87.85

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019

- b. Analisis perbandingan antara jumlah baki tunggakan bayaran balik pinjaman boleh dituntut pada tahun 2019 berbanding 2018 mendapati prestasi bayaran balik pinjaman oleh PKENPs adalah tidak memuaskan. PKENPs tidak membuat pembayaran balik pinjaman mengikut jumlah dan tempoh yang ditetapkan.

PKENPs hanya membuat bayaran sejumlah RM0.17 juta atau 0.2% daripada keseluruhan tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM88.02 juta. Ini menyebabkan tunggakan bayaran balik pinjaman PKENPs meningkat kepada RM87.85 juta.

- c. Pada tahun 2019, SAP telah membuat pembayaran pinjaman sepenuhnya berjumlah RM0.69 juta kepada Kerajaan negeri mengikut jadual pembayaran yang ditetapkan. Oleh itu, tiada tunggakan bayaran balik pinjaman bagi SAP pada akhir tahun 2019.
- d. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut oleh YIPs menurun sebanyak RM1.67 juta disebabkan Kerajaan negeri telah meluluskan penjadualan semula bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan negeri melalui surat Pejabat Perbendaharaan Negeri Perlis bertarikh 30 Januari 2019. Tempoh bayaran balik pinjaman adalah selama 6 tahun bermula pada tahun 2020 sehingga 2025. Kedudukan baki tunggakan bayaran balik pinjaman boleh dituntut pada akhir tahun 2015 hingga 2019 adalah seperti dalam **Jadual 34**.

JADUAL 34
KEDUDUKAN BAKI TUNGGAKAN BAYARAN BALIK
PINJAMAN BOLEH DITUNTUT PADA AKHIR TAHUN 2015 HINGGA 2019

AGENSI NEGERI	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)
Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	75.35	79.09	83.04	86.78	87.85
Syarikat Air Perlis Sdn. Bhd.	0.00	0.00	0.00	0.31	0.00
Yayasan Islam Perlis	0.00	0.00	0.00	1.67	0.00
JUMLAH	75.35	79.09	83.04	88.76	87.85

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 hingga 2019

9.2. Hutang Awam

9.2.1. Kerajaan negeri dari semasa ke semasa ada membuat pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bertujuan untuk membiayai projek pembangunan. Pada tahun 2019, baki Hutang Awam Kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan menurun sebanyak RM135.30 juta atau 33.5% menjadi RM268.02 juta berbanding RM403.32 juta pada tahun 2018. Penurunan ini disebabkan Kerajaan Persekutuan telah bersetuju menghapus kira pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan negeri berjumlah RM140.52 juta bagi Projek Bekalan Air Luar Bandar tahun 2001 dan ke atas. Hapus kira ini berdasarkan baki pinjaman belum selesai pada 31 Disember 2018 melalui surat yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia bertarikh 29 Mei 2019.

9.2.2. Pada tahun 2019, Kerajaan negeri hanya membayar sejumlah RM6.61 juta bagi bayaran pinjaman membiayai projek PKENPs berjumlah RM3.84 juta, bayaran pinjaman membiayai Projek Perumahan Padang Besar Perlis berjumlah RM0.23 juta, bayaran pinjaman membiayai Projek Pembangunan Semula Istana Perlis di Kuala Lumpur berjumlah RM1.84 juta dan bayaran pinjaman membiayai Projek Istana Perlis di Kuala Lumpur berjumlah RM0.70 juta. Pada tahun 2019 juga, Kerajaan negeri telah menerima pinjaman berjumlah RM17.84 juta bagi membiayai Projek Pembinaan Kompleks Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis berjumlah RM16.86 juta dan Projek Pembinaan Istana Raja Muda Perlis, Kangar berjumlah RM0.98 juta.

9.2.3. Kedudukan baki Hutang Awam Kerajaan negeri pada akhir tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 35**.

JADUAL 35
KEDUDUKAN BAKI HUTANG AWAM
KERAJAAN NEGERI PADA AKHIR TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BIL.	BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Sektor Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	124.70	130.41	(5.71)	(4.4)
2.	Sektor Perumahan Awam Kos Rendah	83.60	87.97	(4.37)	(5.0)
3.	Sektor Pelbagai	44.62	29.32	15.30	52.2
4.	Sektor Bekalan Air	15.10	155.62	(140.52)	(90.3)
JUMLAH		268.02	403.32	(135.30)	(33.5)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

9.2.4. Semakan Audit terhadap Laporan Terperinci Penyata Akaun Memorandum Hutang Awam pada 31 Disember 2019 mendapati Kerajaan negeri membuat pelarasan ke atas baki pinjaman di bawah Sektor PKENPs antara Kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan berjumlah RM1.63 juta. Ia terdiri daripada dua (2) pinjaman iaitu pinjaman pembiayaan Projek Kompleks Perdagangan dan Perniagaan Bumiputera Kangar berjumlah RM0.39 juta dan Projek Pembangunan Semula Pekan Melayu, Mukim Sena oleh Kerajaan negeri berjumlah RM1.24 juta.

9.2.5. Tunggakan bayaran balik Hutang Awam, termasuk jumlah prinsipal dan faedah Kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2019 menurun sebanyak RM62.81 juta atau 25.7% menjadi RM181.47 juta, berbanding RM244.28 juta pada tahun 2018. Penurunan ini disebabkan hapus kira yang telah diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan negeri bagi Projek Bekalan Air Luar Bandar ke atas jumlah keseluruhan tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM62.11 juta melalui surat yang dikeluarkan Kementerian Kewangan Malaysia bertarikh 29 Mei 2019. Kerajaan negeri juga telah membuat pembayaran

pinjaman sejumlah RM2.54 juta kepada Kerajaan Persekutuan yang menyebabkan tiada tunggakan bayaran bagi pinjaman di bawah Sektor Pelbagai. Kedudukan baki tunggakan bayaran balik Hutang Awam pada akhir tahun 2018 hingga 2019 adalah seperti dalam **Jadual 36**.

JADUAL 36
KEDUDUKAN BAKI TUNGGAKAN BAYARAN
BALIK HUTANG AWAM PADA AKHIR TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BIL.	BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Sektor Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	113.35	115.10	(1.75)	(1.5)
2.	Sektor Perumahan Awam Kos Rendah	64.31	61.73	2.58	4.2
3.	Sektor Bekalan Air	3.81	65.92	(62.11)	(92.2)
4.	Sektor Pelbagai	0.00	1.53	(1.53)	(100)
JUMLAH		181.47	244.28	(62.81)	(25.7)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

Maklum Balas Pejabat Perbendaharaan Negeri yang diterima pada 16 Jun 2020

Pejabat Perbendaharaan Negeri memaklumkan pelarasannya ini dibuat bagi merekodkan baki pinjaman adalah selaras dengan rekod di Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM). Semakan semula baki pinjaman, data yang digunakan oleh Kerajaan Negeri adalah mengambil kira keseluruhan faedah pinjaman setiap pinjaman tersebut manakala data yang digunakan oleh JANM adalah mengambil kira faedah sehingga tahun semasa sahaja.

10. NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Nota Kepada Penyata Kewangan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis. Ia memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai amaun yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan maklumat tambahan lain seperti peristiwa yang berlaku selepas tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan angka perbandingan.

10.1. Akaun Belum Terima

Akaun Belum Terima (ABT) ditafsirkan sebagai sejumlah wang yang sepatutnya telah diterima oleh Kerajaan negeri pada sesuatu ketika tetapi belum diterima berdasarkan kepada bil yang telah dikeluarkan. Garis panduan bagi menyelenggara dan melaporkan Akaun Belum Terima dijelaskan oleh Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 10.6.

Pegawai Pengawal yang bertanggungjawab dikehendaki menyediakan Laporan ABT pada 30 Jun dan 31 Disember pada setiap tahun dan menghantar kepada Bendahari Negeri, dengan sesalinan kepada Jabatan Audit Negara, selewat-lewatnya pada 31 Ogos dan 31 Januari tahun berikutnya. ABT Kerajaan negeri yang utama terdiri daripada Tunggakan Hasil dan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut.

10.1.1. Tunggakan Hasil


- a. Tunggakan hasil adalah hasil atau pendapatan yang berpunca daripada hasil cukai, hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil yang sepatutnya telah diterima, tetapi belum diterima oleh Kerajaan negeri. Pada tahun 2019, tunggakan hasil Kerajaan negeri dan tunggakan bayaran balik pinjaman perumahan menurun sebanyak RM2.89 juta atau 10.9% menjadi RM23.65 juta berbanding RM26.54 juta pada tahun 2018. Tunggakan hasil yang tertinggi disumbangkan oleh cukai tanah, jualan air dan bayaran ansuran jualan Rumah Awam Kos Rendah yang keseluruhannya berjumlah RM23.46 juta. Kedudukan tunggakan hasil Kerajaan negeri mengikut jabatan pada akhir tahun 2019 berbanding tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 37** dan kedudukan tunggakan cukai tanah pada akhir tahun 2019 berbanding tahun 2018 adalah seperti dalam **Carta 6**.

JADUAL 37
KEDUDUKAN TUNGGAKAN HASIL KERAJAAN NEGERI
MENGIKUT JABATAN PADA AKHIR TAHUN 2019 BERBANDING TAHUN 2018

BIL.	JABATAN/PEJABAT	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Jabatan Tanah dan Galian (Cukai Tanah)	14.77	15.93	(1.16)	(7.3)
2.	Jabatan Kerja Raya (Jualan Air)	4.98	5.88	(0.90)	(15.3)
3.	Pejabat SUK (Ansuran Perumahan Awam)	3.72	4.58	(0.86)	(18.8)
4.	Pejabat SUK (Sewa Gerai)	0.16	0.13	0.03	20.4
5.	Jabatan Perhutanan (Permit Dusun)	0.02	0.02	0.00	0.0
JUMLAH		23.65	26.54	(2.89)	(10.9)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

CARTA 6
KEDUDUKAN TUNGGAKAN CUKAI TANAH
PADA AKHIR TAHUN 2019 BERBANDING 2018



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

- b. Analisis Audit mendapati pada tahun 2019, Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis berjaya mengurangkan tunggakan cukai tanah berjumlah RM1.16 juta kepada RM14.77 juta berbanding RM15.93 juta tahun 2018. Antara inisiatif yang dilakukan oleh Kerajaan negeri dalam mengurangkan tunggakan hasil cukai tanah adalah dengan menjalankan promosi pemberian diskaun terhadap denda lewat yang dikenakan ke atas pembayaran Cukai Tanah. Tunggakan hasil Jualan Air menurun sebanyak RM0.90 juta menjadi RM4.98 juta berbanding RM5.88 juta pada tahun 2018. Ini disebabkan SAP telah menjelaskan ansuran sejumlah RM0.90 juta pada tahun 2019 kepada Kerajaan negeri. Pejabat Perbendaharaan Negeri Perlis melalui surat kelulusan bertarikh 05 Januari 2017 menetapkan SAP perlu membayar kepada Kerajaan negeri secara ansuran berjumlah RM75,000 sebulan bagi tempoh 104 bulan mulai bulan Januari 2017 sehingga Ogos 2025. Tunggakan Ansuran Perumahan Awam, SUK Bahagian Perumahan menurun sebanyak RM0.86 juta menjadi RM3.72 juta berbanding RM4.58 juta pada tahun 2018. Penurunan ini adalah disebabkan terimaan bayaran balik tunggakan sewaan Ansuran Perumahan Awam oleh Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP).

11. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan negeri Perlis pada akhir tahun 2019 adalah stabil berdasarkan perkara seperti berikut:

- 11.1. baki Kumpulan Wang Disatukan pada 31 Disember 2019 meningkat sebanyak RM23.18 juta menjadi RM45.38 juta;
- 11.2. kutipan hasil pada tahun 2019 meningkat sebanyak RM23.21 juta atau 18.1% menjadi RM151.29 juta. Bagaimanapun perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan meningkat sebanyak RM19.83 juta menjadi RM205.88 juta;
- 11.3. Akaun Hasil Disatukan mencatatkan defisit berjumlah RM1.25 juta, penurunan sebanyak RM14.16 juta atau 91.9% berbanding defisit RM15.41 juta pada tahun 2018. Secara kumulatifnya, defisit terkumpul Akaun Hasil Disatukan terus meningkat menjadi RM454.87 juta berbanding RM453.62 juta pada tahun 2018. Bagaimanapun peratus peningkatan adalah sebanyak 0.3% iaitu lebih kecil berbanding tahun 2018;
- 11.4. Hutang Awam Kerajaan negeri pada tahun 2019 menurun sebanyak RM135.30 juta menjadi RM268.02 juta;
- 11.5. Tuggakan Bayaran Balik Hutang Awam kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2019 menurun sebanyak RM62.81 juta menjadi RM181.47 juta. Tuggakan bayaran balik pinjaman oleh Agensi Negeri kepada Kerajaan negeri juga telah menurun sebanyak RM0.91 juta menjadi RM87.85 juta. Namun, tuggakan bayaran balik pinjaman PKENPs meningkat sebanyak RM1.07 juta atau 1.2% menjadi RM87.85 juta; dan
- 11.6. Akaun Belum Terima atau Tuggakan Hasil menurun sebanyak RM2.89 juta atau 10.9% menjadi RM23.65 juta berbanding RM26.54 juta pada tahun 2018.

12. SYOR AUDIT

Untuk penambahbaikan dalam prestasi kewangan, Kerajaan Negeri Perlis adalah disyorkan mempertimbangkan tindakan seperti berikut:

- 12.1. bagi memperkuuhkan lagi kedudukan kewangan, Kerajaan Negeri Perlis hendaklah berusaha meningkatkan kutipan hasil termasuk menggiatkan usaha bagi mengutip tuggakan hasil dan mengurangkan baki Pinjaman Boleh Dituntut daripada jabatan dan agensi kerajaan terlibat. Dalam masa yang sama, perbelanjaan secara berhemat perlu terus diamalkan;
- 12.2. mengawal perbelanjaan di bawah Arahan Perbelanjaan 58(a) dengan memastikan bil dikemukakan dengan segera supaya perbelanjaan dapat dibuat

dalam tahun bekalan diterima dan tidak menjelaskan peruntukan tahun semasa; dan

12.3. memastikan akaun deposit yang tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan kepada pendeposit, diambil tindakan pewartaan. Sekiranya deposit berkenaan masih tidak dituntut selepas tiga (3) bulan, ia hendaklah dikreditkan ke Akaun Hasil Disatukan sepertimana ketetapan Arahan Perbendaharaan 162.



BAHAGIAN III

**PENYERAHAN, PENGESAHAN,
PEMBENTANGAN PENYATA
KEWANGAN DAN PRESTASI
KEWANGAN AGENSI NEGERI**

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

FAKTA UTAMA

PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI TAHUN 2019	Bilangan Agensi Negeri	Pengesahan Akaun
	6 Badan Berkanun Negeri	3 Pendapat Tanpa Teguran
	1 Pihak Berkuasa Tempatan	5 Belum Disahkan
	1 Majlis Agama Islam	

1. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk mengaudit penyata kewangan agensi negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam (MAI). Objektif pengauditan adalah untuk memberikan pendapat terhadap penyata kewangan agensi negeri sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2. PENG AUDITAN PENYATA KEWANGAN

2.1 Pada tahun 2020, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap enam (6) BBN, satu (1) PBT dan satu (1) MAI. BBN ditubuhkan mengikut Akta Tubuh Badan Berkanun Negeri manakala PBT ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). MAI pula ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006.

2.2 Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap penyata kewangan bagi tiga (3) BBN dan MAI manakala baki empat (4) penyata kewangan dilaksanakan oleh Firma Audit Swasta (FAS) yang dilantik. Pelantikan FAS adalah selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 7(3), Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau.

3. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

3.1 Setakat 31 Ogos 2020, kesemua enam (6) BBN dan satu (1) PBT serta satu (1) MAI telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 untuk diaudit. Daripada lapan (8) agensi negeri yang telah mengemukakan penyata kewangan, hanya dua (2) agensi mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu sebelum atau pada 30 April 2020. Manakala 6 agensi mengemukakan penyata kewangan selepas tempoh ditetapkan kerana kesan daripada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan untuk mengekang penularan pandemik COVID-19. Agensi telah memohon pelanjutan tempoh untuk mengemukakan penyata kewangan sehingga 30 Jun 2020 dan telah diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri Perlis. Kedudukan penyerahan penyata kewangan tahun 2019 adalah seperti dalam **Jadual 1.**

**JADUAL 1
KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN TAHUN 2019**

BIL.	AGENSI	TARIKH PENYERAHAN
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Lembaga Pemegang Amanah Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Perlis	07.04.2020
2.	Kumpulan Wang Hadiah Pelajaran Rakyat (Bukan Melayu) Negeri Perlis	07.04.2020
3.	Majlis Sukan Negeri Perlis	22.05.2020
4.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	29.05.2020
5.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis	29.05.2020
6.	Yayasan Islam Perlis	12.06.2020
MAJLIS AGAMA ISLAM		
1.	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis	29.05.2020
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
1.	Majlis Perbandaran Kangar	12.06.2020

Sumber: Jabatan Audit Negara

3.2 Ketua Audit Negara telah mengeluarkan arahan melalui surat bertarikh 11 Julai 2018 yang menetapkan supaya semua penyata kewangan yang dikemukakan oleh agensi mulai tahun 2019 mestilah lengkap dan *auditable*. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh Pengurus dan seorang Ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), pengakuan oleh Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan. Kegagalan Agensi untuk mengemukakan penyata kewangan yang lengkap dan *auditable* akan menyebabkan Laporan Ketua Audit Negara tidak dapat dikeluarkan terhadap penyata kewangan berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

4. PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN

4.1 Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia atau *Malaysian Accounting Standards Board* (MASB) merupakan badan yang bertanggungjawab menerbitkan piawaian perakaunan untuk diguna pakai oleh syarikat bermotifkan keuntungan dan Badan Berkanun Persekutuan seperti yang digariskan di bawah Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PA 3.1. Setakat 1 Januari 2017, piawaian perakaunan yang diluluskan oleh MASB untuk diterima pakai di Malaysia adalah *Financial Reporting Standards (FRS)/ Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS)* dan *Malaysian Private Entity Reporting Standards (MPERS)*.

4.2 Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) pula telah mengeluarkan *Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)* melalui proses tadbir urus seperti yang dinyatakan dalam *Ministerial Function Acts 1969* di mana salah satu fungsi JANM adalah menentukan polisi, sistem dan kawalan perakaunan awam selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957. Status pemakaian piawaian perakaunan oleh agensi negeri bagi tahun kewangan 2019 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
STATUS PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN
OLEH AGENSI BAGI TAHUN KEWANGAN 2019

BIL.	PIAWAIAN PERAKAUNAN	BIL. AGENSI
1.	<i>Malaysian Private Entities Reporting Standards (MPERS)</i>	1
2.	<i>Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)</i>	7
JUMLAH		8

Sumber: Penyata Kewangan Agensi

5. SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Sijil Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan telah disediakan berdasarkan keperluan *The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI)*. *ISSAI* menetapkan sebanyak dua (2) jenis Pendapat Audit iaitu Pendapat Tanpa Teguran dan Pendapat Diubahsuai.

5.1 Pendapat Tanpa Teguran

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa penyata kewangan telah disediakan secara saksama dan memberi gambaran yang benar dalam semua aspek penting selaras dengan standard perakaunan yang berkenaan.

5.2. Pendapat Diubahsuai

Pendapat Berteguran, Pendapat Bertentangan atau Penafian Pendapat hendaklah digunakan mengikut kesesuaian apabila Juruaudit ingin menyatakan Pendapat Diubahsuai seperti berikut:

5.2.1. Perkara yang Tidak Menjejaskan Pendapat Juruaudit

a. Perenggan *Emphasis of Matter* (EOM)

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Sijil Audit yang merujuk kepada perkara yang sesuai dikemukakan atau dinyatakan dalam penyata kewangan, di atas pertimbangan juruaudit mentafsirkan ianya amat penting dan asas kepada pemahaman pengguna penyata kewangan.

b. Perenggan Hal-Hal Lain (*Other Matter*)

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Sijil Audit yang merujuk kepada perkara selain daripada yang dikemukakan atau dinyatakan di dalam penyata kewangan pada pertimbangan juruaudit, berkaitan dengan pemahaman pengguna mengenai audit, tanggungjawab juruaudit atau Sijil Audit.

c. Perkara Utama Audit [*Key Audit Matter* (KAM)]

ISSAI 1701 menyatakan perenggan Perkara Utama Audit (KAM) meliputi isu signifikan dalam tahun semasa yang telah dimaklumkan kepada pihak yang bertanggungjawab terhadap tadbir urus.

5.2.2. Perkara yang Menjejaskan Pendapat Juruaudit

a. Pendapat Berteguran

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat, adalah material tetapi tidak menyeluruh kepada penyata kewangan. Pendapat ini dikeluarkan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian atau tiada bukti audit yang mencukupi untuk dijadikan asas pendapat. Juruaudit membuat kesimpulan bahawa kemungkinan kesan daripada salah nyata ke atas penyata kewangan tidak dapat dikenal pasti, berkemungkinan boleh menjadi material tetapi tidak pervasif.

b. Pendapat Bertentangan

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat, adalah material dan pervasif kepada penyata kewangan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian.

c. Penafian Pendapat

Pendapat ini dinyatakan oleh juruaudit apabila kesan yang mungkin timbul daripada kekangan skop adalah material dan pervasif di mana bukti audit tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan. Juruaudit tidak dapat memberi pendapat sama ada penyata kewangan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan. Selain itu, pendapat penafian turut diberi dalam situasi di mana walaupun juruaudit telah memperoleh bukti audit yang mencukupi mengenai setiap ketidaktentuan, tetapi tidak dapat memberi pendapat terhadap penyata kewangan disebabkan oleh potensi ketidaktentuan berinteraksi dan berkemungkinan kesan kumulatif ke atas penyata kewangan.

5.3 Setakat 31 Ogos 2020, sebanyak tiga (3) daripada lapan (8) penyata kewangan agensi negeri bagi tahun 2019 telah diaudit dan dikeluarkan Pendapat Tanpa Teguran. Penyata kewangan tersebut adalah bagi Lembaga Pemegang Amanah Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Perlis, Kumpulan Wang Hadiah Pelajaran Rakyat (Bukan Melayu) Negeri Perlis dan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis. Bagaimanapun tiga (3) penyata kewangan BBN, satu (1) MAI dan satu (1) PBT bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 sedang dalam proses pengauditan dan belum disahkan. Bilangan penyata kewangan mengikut jenis Pendapat Audit bagi tahun 2016 hingga 2019 adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
JENIS PENDAPAT AUDIT YANG DIBERIKAN BAGI PENYATA KEWANGAN AGENSI
BAGI TEMPOH TAHUN 2016 SEHINGGA 2019

BIL.	JENIS PENDAPAT AUDIT	TAHUN KEWANGAN			
		2016	2017	2018	2019
1.	Pendapat Tanpa Teguran	5	6	4	3
2.	Pendapat Tanpa Teguran dengan <i>Emphasis of Matter</i>	0	0	0	0
3.	Pendapat Berteguran	3	2	4	0
4.	Pendapat Bertentangan	0	0	0	0
5.	Penafian Pendapat	0	0	0	0
JUMLAH		8	8	8	3

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2016 – 2019

6. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

Akta Badan Berkanun 1980 dan Enakmen Penubuhan Badan Berkanun Negeri telah menetapkan bahawa penyata kewangan agensi yang telah diaudit berserta pendapat Ketua Audit Negara hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Manakala bagi Pihak Berkuasa Tempatan, Akta Kerajaan Tempatan 1976 menghendaki satu (1) salinan penyata kewangan dan pendapat yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan seterusnya dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Sebanyak tujuh (7) penyata kewangan tahun 2018 yang telah disahkan oleh Ketua Audit Negara telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Perlis manakala penyata kewangan Majlis Sukan Negeri Perlis tidak dibentangkan di Dewan Undangan Negeri kerana tidak dikehendaki oleh Akta Tubuh. Setakat 31 Ogos 2020, penyata kewangan tahun 2018 yang telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 10 Disember 2019 adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN TAHUN 2018
DI DEWAN UNDANGAN NEGERI SETAKAT 31 OGOS 2020

BIL	AGENSI	TARIKH PEMBENTANGAN	
		DEWAN UNDANGAN NEGERI	
PENYATA KEWANGAN 2018			
BADAN BERKANUN NEGERI			
1.	Lembaga Pemegang Amanah Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Perlis	10.12.2019	
2.	Kumpulan Wang Hadiah Pelajaran Rakyat (Bukan Melayu) Negeri Perlis	10.12.2019	
3.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	10.12.2019	
4.	Yayasan Islam Perlis	10.12.2019	
5.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis	10.12.2019	
MAJLIS AGAMA ISLAM			
6.	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis	10.12.2019	
PIHAK BERKUASA TEMPATAN			
7.	Majlis Perbandaran Kangar	10.12.2019	

Sumber: Kertas Perintah Mesyuarat Majlis Dewan Undangan Negeri Perlis Yang Ke-14

7. ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

Analisis prestasi kewangan agensi yang dilaporkan setiap tahun oleh Jabatan Audit Negara adalah merangkumi prestasi berkaitan pendapatan, lebihan/kurangan pendapatan, aset dan liabiliti. Pada tahun 2020, telah berlaku peristiwa luar biasa yang

belum pernah dialami sebelumnya iaitu pandemik Covid-19. Keadaan ini turut menjelaskan proses pengesahan penyata kewangan agensi negeri berikut pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan. Agensi juga telah diluluskan pelanjutan tempoh oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi mengemukakan penyata kewangan untuk diaudit, daripada 30 April 2020 kepada 30 Jun 2020. Setakat 31 Ogos 2020, hanya tiga (3) penyata kewangan agensi negeri yang telah disahkan manakala lima (5) penyata kewangan agensi negeri yang lain masih dalam proses pengauditan. Sehubungan itu, analisis terhadap prestasi kewangan agensi negeri tidak dilaporkan dalam Laporan kali ini memandangkan analisis bagi tiga (3) agensi sahaja tidak dapat memberi gambaran sebenar berkaitan kedudukan kewangan agensi negeri secara keseluruhannya.

8. RUMUSAN AUDIT

Setakat 31 Ogos 2020, hanya tiga (3) penyata kewangan agensi negeri telah disemak dan disahkan dengan Pendapat Tanpa Teguran manakala baki tiga (3) BBN, satu (1) MAI dan satu (1) PBT sedang dalam proses pengauditan dan belum disahkan.

9. SYOR AUDIT

Kerjasama semua peringkat di Agensi Negeri termasuk pemantauan yang efektif di peringkat Perbendaharaan Negeri akan memastikan penyediaan penyata kewangan memenuhi piawaian perakaunan. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:

- 9.1. agensi negeri perlu mengemukakan penyata kewangan yang lengkap dan *auditable* mengikut tempoh ditetapkan. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh pengurus dan seorang ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), pengakuan oleh pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan; dan
- 9.2. agensi negeri perlu memastikan penyediaan penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang berkuat kuasa.



BAHAGIAN IV

PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN NEGERI

BAHAGIAN IV

PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN NEGERI

1. PENGENALAN

1.1. Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) diperkenalkan pada tahun 2007 bagi menilai sama ada pengurusan kewangan kementerian/jabatan/agensi Persekutuan dan Negeri dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan dan berkuat kuasa. Pengauditan ini adalah selaras dengan Seksyen 6, Akta Audit 1957. Penilaian terhadap pengurusan kewangan dibuat dengan menyemak elemen utama, indikator dan sub-indikator. Skor diberi kepada setiap indikator/sub indikator dan penarafan diberi terhadap tahap prestasi pengurusan kewangan kementerian/jabatan/agensi Persekutuan dan Negeri. Pada tahun 2017, pendekatan pengurusan kewangan telah ditambah baik kepada penilaian berasaskan risiko. Setiap kriteria yang diaudit dikategorikan kepada tiga (3) tahap risiko iaitu risiko tinggi, risiko sederhana dan risiko rendah.

1.2. Mulai tahun 2019, pengauditan pematuhan terhadap Kementerian/Jabatan/Agensi Persekutuan dan Negeri diperkenalkan sebagai pendekatan baharu yang merangkumi penyata kewangan dan pengurusan kewangan selaras dengan *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) 4000 dan 4100. Pengauditan ini memberi tumpuan secara mendalam kepada sesuatu bidang utama audit (*key audit area*)/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *Risk Profiling* yang dilaksanakan terhadap setiap Jabatan dan Agensi Negeri. Pengauditan pematuhan ini menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, penyelewengan dan ketirisan wang awam.

1.3. Pada tahun 2020, sebanyak tiga (3) pengauditan pematuhan telah dilaksanakan terhadap dua (2) jabatan negeri seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
SENARAI PENGAUDITAN PEMATUHAN TAHUN 2019

BIL.	TAJUK PEMATUHAN	JABATAN NEGERI
1.	Perbelanjaan Akaun Amanah Kelas Pengajian Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA)	• Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis
2.	Perbelanjaan Akaun Amanah Elaun Pegawai Masjid	
3.	Perbelanjaan Penyenggaraan	• Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis

Sumber: Jabatan Audit Negara

1.4. Pemilihan dibuat berdasarkan amaun perbelanjaan jabatan yang tinggi sepanjang tahun.



PENGAUDITAN PEMATUHAN

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PERLIS

**- PERBELANJAAN AKAUN AMANAH KELAS PENGAJIAN
AL-QURAN DAN FARDHU AIN**

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PERLIS

1. PERBELANJAAN AKAUN AMANAH KELAS PENGAJIAN AL-QURAN DAN FARDHU AIN

FAKTA UTAMA

AKAUN AMANAH KAFA (TERIMAAN DAN BAYARAN)

RM5.75 Juta	Terimaan Tahun 2019
RM5.38 Juta	Perbelanjaan Tahun 2019

1. LATAR BELAKANG

Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) adalah suatu program berkonsepkan pengukuhan asas Pendidikan Islam dengan memberi penekanan kepada kemahiran membaca Al-Quran serta asas-asas Fardhu Ain. Akaun Amanah Kelas Pengajian Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) telah ditubuhkan bertujuan untuk melaksanakan program serta aktiviti penyelia dan Guru KAFA, membiayai kelas Al-Quran dan Fardhu Ain serta mengurus operasi KAFA. Akaun Amanah KAFA dikawal dan diuruskan oleh Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis (JAIPs) selaku Pengawal Akaun Amanah. Pada tahun 2019, jumlah terimaan akaun amanah ini terdiri daripada pemberian geran daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan faedah simpanan tetap berjumlah RM5.75 juta. Perbelanjaan pula berjumlah RM5.38 juta. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
KEDUDUKAN AKAUN AMANAH KAFA DI JAIPs TAHUN 2019

PERKARA	2019 (RM JUTA)
Baki Pada 1 Januari	2.94
Terimaan	5.75
Perbelanjaan	5.38
BAKI PADA 31 DISEMBER	3.31

Sumber: Penyata Terimaan dan Bayaran Akaun Amanah KAFA

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bagi menentukan sama ada perbelanjaan akaun amanah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan arahan amanah dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini meliputi tempoh perbelanjaan akaun amanah bagi bulan Januari hingga Disember 2019. Pengauditan dijalankan di Bahagian Pendidikan, JAIPs. Sebanyak 380 arahan pembayaran bernilai RM4.03 juta telah dipilih untuk diaudit, iaitu 75% daripada keseluruhan perbelanjaan Akaun Amanah KAFA pada tahun 2019 yang berjumlah RM5.38 juta.

3.2. Kaedah pengauditan adalah meliputi semakan laporan, minit mesyuarat, fail, rekod kewangan serta rekod perakaunan dan dokumen lain yang berkaitan, analisis data, lawatan fizikal dan temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan pada bulan Disember 2019 hingga Januari 2020 dan Pemerhatian Audit telah dikeluarkan pada 18 Mei 2020. Maklum balas daripada JAIPs diterima pada 23 Jun 2020 dan Mesyuarat Penutupan (*Exit Conference*) telah diadakan pada 2 Julai 2020. Penjelasan lanjut bagi penemuan Audit berbangkit adalah seperti di perenggan berikut:

4.1. Pembayaran Elaun Guru KAFA Berjumlah RM892,049 Tanpa Kontrak Perjanjian yang Sah

4.1.1. Garis Panduan Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) Tahun 2011 yang dikeluarkan oleh JAKIM antara lainnya menjelaskan mengenai pelantikan Guru KAFA seperti berikut:

- a. pelantikan guru adalah secara kontrak untuk tempoh satu (1) tahun dan boleh dilantik semula dengan perakuan daripada JAIPs; dan
- b. guru hendaklah mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Ketua Pengarah JAIPs untuk memperbaharui semula kontrak perjanjian pelantikan guru dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum tarikh tamat kontrak pelantikannya.

4.1.2. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

- a. didapati 114 daripada 189 Guru KAFA telah dilantik semula pada tahun 2019. Bagaimanapun JAIPs tidak memperbaharui kontrak perjanjian pelantikan guru terlibat seperti yang ditetapkan dalam Garis Panduan KAFA Tahun 2011. Pelantikan semula hanya dibuat melalui surat pemakluman yang dikeluarkan oleh JAIPs.

- b. Elaun Guru KAFA berjumlah RM0.89 juta bagi tempoh Januari hingga 31 Oktober 2019 telah dibayar kepada 114 guru berkenaan. Ini bermaksud pembayaran telah dibuat berdasarkan kontrak perjanjian yang telah tamat tempoh.
 - c. sehingga bulan Jun 2020, pihak Audit masih belum menerima kontrak perjanjian pelantikan semula guru-guru KAFA terlibat.
- 4.1.3. Perkara ini berlaku kerana hanya seorang (1) pegawai JAIPs yang menguruskan pelantikan Guru KAFA atau pembaharuan kontrak Guru KAFA di Bahagian Pendidikan, JAIPs yang melibatkan 89 sekolah di 15 Dewan Undangan Negeri Perlis.

Maklum Balas JAIPs yang Diterima pada 23 Jun 2020

Draf kontrak perjanjian tersebut telah disediakan dan dibentangkan pada 5 Disember 2019 dalam Mesyuarat Jawatankuasa KAFA peringkat Negeri Perlis. Bagaimanapun, persetujuan dan kelulusan belum dimuktamadkan.

**Pernyataan | Pelantikan guru KAFA pada tahun 2019 adalah tidak teratur
Audit | kerana tidak mematuhi Garis Panduan KAFA yang dikeluarkan
oleh JAKIM.**

5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan tindakan pematuhan kepada peraturan perbelanjaan Akaun Amanah KAFA, JAIPs perlu mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- 5.1. mematuhi garis panduan yang berkuat kuasa dengan menyediakan kontrak perjanjian yang sah seperti ditetapkan; dan
- 5.2 menyusun dan menilai semula keperluan perjawatan di Bahagian Pendidikan bagi memastikan pengurusan Guru KAFA yang lebih teratur.



PENGAUDITAN PEMATUHAN

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PERLIS

- PERBELANJAAN AKAUN AMANAH ELAUN PEGAWAI MASJID

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PERLIS

2. PERBELANJAAN AKAUN AMANAH ELAUN PEGAWAI MASJID

FAKTA UTAMA

AKAUN AMANAH ELAUN PEGAWAI MASJID (TERIMAAN DAN BAYARAN)

RM1.82 Juta Terimaan Tahun 2019

RM1.70 Juta Perbelanjaan Tahun 2019

1. LATAR BELAKANG

Akaun Amanah Elaun Pegawai Masjid ditubuhkan bagi menerima peruntukan kewangan dan membuat pembayaran elaun bulanan pegawai dan pekerja masjid di seluruh Negeri Perlis. Akaun amanah ini dikawal dan diuruskan oleh Pengarah JAIPs selaku Pengawal Akaun Amanah. Terimaan akaun amanah terdiri daripada pemberian geran Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) serta terimaan bayaran balik elaun bagi pegawai yang telah meninggal dunia dan yang telah meletak jawatan. Pada tahun 2019, terimaan dan perbelanjaan Akaun Amanah Elaun Pegawai Masjid masing-masing berjumlah RM1.82 juta dan RM1.70 juta. Butiran terperinci kedudukan Akaun Amanah Elaun Pegawai Masjid Tahun 2019 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
KEDUDUKAN AKAUN AMANAH ELAUN PEGAWAI MASJID TAHUN 2019

PERKARA	2019 (RM JUTA)
Baki Pada 1 Januari	0.16
Terimaan	1.82
Perbelanjaan	1.70
BAKI PADA 31 DISEMBER	0.28

Sumber: Penyata Terimaan dan Bayaran Akaun Amanah Elaun Pegawai Masjid

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bagi menentukan sama ada perbelanjaan akaun amanah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan arahan amanah dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI

3.1. Pengauditan pematuhan dijalankan terhadap Akaun Amanah Elaun Pegawai Masjid bagi bulan Januari hingga Disember 2019. Pengauditan dijalankan di Bahagian Dakwah dan Pengurusan Masjid, JAIPs. Sebanyak 172 arahan pembayaran bernilai RM1.27 juta telah dipilih untuk diaudit, iaitu 75% daripada keseluruhan perbelanjaan Akaun Amanah Elaun Pegawai Masjid tahun 2019 yang berjumlah RM1.70 juta.

3.2. Kaedah pengauditan adalah meliputi semakan laporan, minit mesyuarat, fail, rekod kewangan serta rekod perakaunan dan dokumen lain yang berkaitan, analisis data, lawatan fizikal dan temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan pada bulan Disember 2019 hingga Januari 2020 dan Pemerhatian Audit telah dikeluarkan pada 18 Mei 2020. Maklum balas daripada JAIPs diterima pada 23 Jun 2020 dan Mesyuarat Penutupan (*Exit Conference*) diadakan pada 2 Julai 2020. Penjelasan lanjut bagi penemuan Audit berbangkit adalah seperti di perenggan berikut:

4.1. Pembayaran Elaun Pegawai Masjid Berjumlah RM2.01 Juta Dibuat Tanpa Surat Pelantikan

4.1.1. Mengikut Seksyen 100 (3) dan (4), Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006, MAIPs hendaklah melantik imam, bilal dan pembantu bilal dari kalangan ahli kariah masjid. Sehubungan itu, JAIPs selaku pelaksana dasar hendaklah mengeluarkan surat pelantikan kepada pegawai masjid yang dilantik. Surat pelantikan tersebut merupakan perakuan dan pengesahan maklumat berkaitan tugas yang dipertanggungjawabkan kepada individu yang dilantik. Ia mengandungi maklumat berkaitan nama jawatan yang disandang, tempoh perkhidmatan, jumlah elaun yang dibayar serta terma dan syarat perkhidmatan yang perlu dipatuhi sepanjang tempoh perkhidmatan pegawai.

4.1.2. Berdasarkan rekod yang diselenggarakan oleh JAIPs, pegawai dan pekerja masjid di negeri Perlis keseluruhannya adalah seramai 512 orang. Namun begitu, JAIPs hanya dapat mengemukakan 77 surat pelantikan (15%), iaitu melibatkan pegawai dan pekerja masjid yang baharu dilantik pada tahun 2019. Sehingga 31 Disember 2019, pihak Audit masih belum menerima surat pelantikan bagi 435 orang pegawai dan pekerja masjid yang terlibat.

4.1.3. Semakan Audit mendapati **pembayaran Elaun Pegawai Masjid berjumlah RM2.01 juta bagi tahun 2019 melibatkan 435 orang pegawai dan pekerja masjid di seluruh Negeri Perlis tidak disokong dengan surat pelantikan atau perakuan pelaksanaan perkhidmatan oleh pegawai dan pekerja masjid terlibat.** Hanya pembayaran bagi 77 pegawai dan pekerja masjid melibatkan amaun berjumlah RM0.25 juta telah disokong dengan surat pelantikan sewajarnya.

4.1.4. Perkara ini adalah disebabkan oleh Jawatankuasa Pentadbir Akaun tidak mengeluarkan Prosedur Operasi Standard bagi pengurusan lantikan Pegawai Masjid.

Maklum Balas JAIPs yang Diterima pada 23 Jun 2020

JAIPs mengesahkan tiada surat lantikan bagi 435 orang pegawai masjid. JAIPs akan menyediakan surat pelantikan pegawai masjid setiap dua (2) tahun manakala bagi pegawai berumur 60 tahun dan ke atas akan diperbaharui setiap tahun.

Pernyataan | Pembayaran Elaun Pekerja Masjid tanpa disokong dengan Audit surat pelantikan rasmi adalah tidak teratur.

4.2. Elaun Berjumlah RM26,200 Dibayar Kepada Pegawai Masjid yang Meninggal Dunia Dan Tidak Lagi Berkhidmat

4.2.1. Perkara 9, Arahan Amanah Elaun Pegawai Masjid menetapkan pengawalan dan pengurusan akaun adalah tertakluk kepada terma Arahan Amanah, Arahan Perbendaharaan serta peraturan kewangan berkaitan dan arahan oleh Perbendaharaan Negeri dari semasa ke semasa.

4.2.2. Arahan Perbendaharaan 102(a) dan Arahan Perbendaharaan 99(a) menghendaki Pegawai Pengawal atau wakilnya memperakui tentang betulnya setiap butir dalam baucar itu. Pegawai yang memperakui adalah bertanggungjawab bahawa:

- a. perkhidmatan atau bekalan telah diterima dengan sempurnanya;
- b. penghitungan dan pengiraan adalah betul;
- c. penerima yang dinamakan dalam baucar itu adalah pihak yang berhak menerima bayaran; dan

d. pembayaran telah disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap dan sempurna.

4.2.3. Semua Arahan Pembayaran bagi Elaun Pegawai Masjid hendaklah dikepilkkan dengan senarai nama dan maklumat pegawai masjid yang telah disahkan oleh Ketua Penolong Pengarah Bahagian Takmir dan Dakwah serta telah diluluskan oleh Pengarah JAIPs. Perakuan dan kelulusan yang dibuat adalah dengan tujuan untuk memperakui tentang betulnya butiran dan maklumat pegawai penerima seperti nama, nombor kad pengenalan, nombor akaun bank penerima dan amaun sebenar elaun bulanan yang patut dibayar.

4.2.4. Pihak Audit telah membuat semakan silang nama dan nombor kad pengenalan bagi 512 orang pegawai masjid yang disenaraikan dalam dokumen sokongan kepada Arahan Pembayaran, dengan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Negeri Perlis bagi bulan Januari hingga Disember 2019. Semakan Audit mendapati tujuh (7) daripada 512 orang pegawai masjid yang disenaraikan telah meninggal dunia antara bulan Februari hingga Ogos 2019. Daripada jumlah tersebut, seramai **enam (6) orang atau 1.17% pegawai masjid masih dibayar elaun atau saguhati bulanan dari tarikh pendaftaran kematian pegawai berkenaan sehingga bulan Disember 2019. Ini mengakibatkan wang akaun amanah telah terlebih dibelanjakan sejumlah RM12,550.** Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 2.**

JADUAL 2
SENARAI PEGAWAI MASJID YANG TELAH MENINGGAL DUNIA

BIL.	JAWATAN	ELAUN BULANAN (RM)	TARIKH KEMATIAN	BULAN MASIH DIBAYAR	JUMLAH (RM)
1.	Bilal/Muazzin 1	450	20.02.2019	Mac – Disember	4,950
2.	Bilal/Muazzin 2	450	19.04.2019	April – November	3,150
3.	Bilal/Muazzin 3	450	15.08.2019	Ogos – Disember	2,250
4.	Bilal/Muazzin 4	450	16.07.2019	Julai – September	1,350
5.	Bilal/Muazzin 5	450	14.03.2019	Mac	450
6.	Siak 1	400	13.05.2019	Mei	400
JUMLAH					12,550

Sumber: Arahan Pembayaran dan Rekod JAIPs

4.2.5. Semakan Audit juga mendapati **Elaun Pegawai Masjid berjumlah RM13,650 dibayar kepada pegawai masjid yang telah sah meletak jawatan.** Pengarah JAIPs selaku Pegawai Pengawal ada menandatangani dan mengeluarkan surat kelulusan perletakan jawatan kepada pegawai masjid terlibat.

Surat tersebut dikeluarkan sebagai perakuan dan pengesahan tarikh sebenar tamat tempoh perkhidmatan secara rasmi.

4.2.6. Semakan lanjut terhadap kesemua 39 surat kelulusan perletakan jawatan pegawai masjid bagi bulan Mei hingga Ogos 2019 mendapati **lapan (8) orang (20.5%) masih dibayar elaun atau saguhati bulanan berjumlah RM13,650 dari tarikh perletakan jawatan berkuat kuasa sehingga bulan Disember 2019**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 3**.

**JADUAL 3
SENARAI PEGAWAI MASJID YANG TELAH MELETAK JAWATAN**

BIL.	JAWATAN	ELAUN BULANAN (RM)	TARIKH KELULUSAN PELETAKAN JAWATAN	BULAN MASIH DIBAYAR	JUMLAH (RM)
1.	Siak 1	400	01.04.2019	April – Disember	3,600
2.	Bilal/Muazzin 1	450	01.07.2019	Julai – Disember	2,700
3.	Siak 2	400	01.08.2019	Ogos – Disember	2,000
4.	Siak 3	400	01.07.2019	Julai – Disember	2,000
5.	Bilal/Muazzin 2	450	01.07.2018	Julai – September	1,350
6.	Siak 4	400	01.04.2019	Jun – Julai	800
7.	Siak 5	400	01.05.2019	Mei – Jun	800
8.	Penjaga kawasan 1	400	01.01.2019	Januari	400
JUMLAH					13,650

Sumber: Arahan Pembayaran dan Rekod JAIPs

4.2.7. Perkara ini adalah disebabkan pegawai JAIPs menggunakan data induk pegawai masjid yang lama dan tidak dikemas kini dari semasa ke semasa.

Maklum Balas JAIPs yang Diterima pada 23 Jun 2020

Jawatankuasa Masjid di seluruh Negeri Perlis tidak memaklumkan status perletakan jawatan Pegawai Masjid kepada Bahagian Dakwah dan Pengurusan Masjid. Bagaimanapun JAIPs telah mengambil tindakan dengan mengeluarkan surat kutipan bayaran balik bermula 1 Jun 2020.

Pernyataan Audit | **Pembayaran elaun kepada pegawai masjid yang telah meninggal dunia dan meletak jawatan adalah tidak teratur serta mencerminkan kelemahan pengurusan akaun amanah ini.**

5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan tindakan pematuhan kepada peraturan perbelanjaan Akaun Amanah Elaun Pegawai Masjid, JAIPs perlu mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- 5.1. Jawatankuasa Pentadbir Akaun Amanah perlu menyediakan Prosedur Operasi Standard bagi pelantikan pegawai masjid;
- 5.2. pangkalan data atau sistem yang bersesuaian perlu diwujudkan bagi memudahkan pegawai JAIPs mengemas kini dan menyelaras daftar induk pegawai masjid dari semasa ke semasa; dan
- 5.3. pegawai yang bertanggungjawab terhadap kehilangan wang awam perlu dikenal pasti dan diambil tindakan surcaj berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa.



PENGAUDITAN PEMATUHAN

JABATAN KERJA RAYA NEGERI PERLIS

- PERBELANJAAN PENYENGARAAN

JABATAN KERJA RAYA NEGERI PERLIS

3. PERBELANJAAN PENYENGGARAAN

FAKTA UTAMA

KOD OBJEK SEBAGAI	28000 (PERBELANJAAN PEYENGGARAAN)
RM8.24 Juta	Peruntukan Tahun 2019
RM8.15 Juta	Perbelanjaan Tahun 2019

1. LATAR BELAKANG

Pada tahun 2019, sejumlah RM8.24 juta telah diperuntukkan bagi tujuan penyenggaraan dan sejumlah RM8.15 juta (98.9%) telah dibelanjakan. Butiran terperinci peruntukan dan perbelanjaan penyenggaraan mengikut bahagian tahun 2019 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PENYENGGARAAN
MENGIKUT BAHAGIAN TAHUN 2019

BIL.	BAHAGIAN	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS BELANJA (%)
1.	Unit Pentadbiran dan Kewangan	24,000	23,620	98.4
2.	Bahagian Jalan	962,200	961,435	99.9
3.	Bahagian Bangunan	1,163,700	1,163,216	99.9
4.	Bahagian Khidmat Sokongan	452,200	441,902	97.7
5.	Bahagian Elektrik	3,670,000	3,588,660	97.8
6.	Bahagian Mekanikal	1,971,600	1,971,487	99.9
JUMLAH		8,243,700	8,150,320	98.9

Sumber: Rekod JKR

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bagi menentukan sama ada perbelanjaan penyenggaraan telah dibuat dengan teratur selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini meliputi perbelanjaan penyenggaraan yang diuruskan oleh Bahagian Elektrik dan Bahagian Mekanikal, JKR. Sebanyak 158 arahan pembayaran penyenggaraan kemudahan bekalan elektrik (Objek Sebagai 28207) dan alat kelengkapan elektrik hawa dingin (Objek Sebagai 28701) bagi bulan Januari hingga Disember 2019 berjumlah RM3.85 juta telah dipilih sebagai sampel Audit. Bilangan sampel mewakili 47.2% daripada perbelanjaan penyenggaraan tahun 2019 berjumlah RM8.15 juta.

3.2. Kaedah pengauditan adalah meliputi semakan laporan, minit mesyuarat, fail, rekod kewangan dan dokumen-dokumen lain berkaitan. Pengauditan juga dijalankan dengan menganalisis data, temu bual dan perbincangan bersama dengan pegawai JKR yang bertanggungjawab menguruskan kerja-kerja penyenggaraan. Selain itu, lawatan fizikal turut dilaksanakan untuk mengesahkan maklumat dan memperkuuhkan ketepatan penemuan Audit.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan pada bulan Disember 2019 hingga Januari 2020 dan Pemerhatian Audit telah dikeluarkan pada 19 Mei 2020. Maklum balas daripada JKR diterima pada 10 Jun 2020 dan Mesyuarat Penutupan (*Exit Conference*) diadakan pada 7 Julai 2020. Penjelasan lanjut bagi penemuan Audit berbangkit adalah seperti di perenggan berikut:

4.1. Kontrak dan SST Bernilai RM1.61 Juta Ditandatangani oleh Pegawai yang Tidak Diberi Kuasa

4.1.1. Pekeliling Perbendaharaan PK 4.2, Para 5, menyatakan kontrak Kerajaan negeri hendaklah ditandatangani oleh Menteri Besar atau pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri Besar secara bertulis berdasarkan had nilai yang ditetapkan. Penurunan kuasa oleh YAB Menteri Besar Perlis telah dibuat melalui surat Pegawai Kewangan Negeri Perlis rujukan PERB.Ps (S)108 (S.k 6)(3) bertarikh 27 Julai 2018. Pegawai yang diberi kuasa untuk menandatangani kontrak dan SST berdasarkan had nilai adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PEGAWAI YANG DIBERI KUASA UNTUK MENANDATANGANI
KONTRAK DAN SURAT SETUJU TERIMA BERDASARKAN HAD NILAI

BIL.	JAWATAN	NILAI MAKSIMUM KONTRAK DAN SURAT SETUJU TERIMA (RM)
1.	Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis	500,000
2.	Pegawai Kewangan Negeri Perlis	500,000
3.	Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis (Pembangunan)	300,000
4.	Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis (Pengurusan)	300,000
5.	Timbalan Pegawai Kewangan Negeri Perlis	100,000
6.	Pegawai Pengawal, Jabatan Negeri Perlis	50,000
7.	Setiausaha Bahagian Kerajaan Negeri Perlis, Unit Perumahan dan Kerajaan Tempatan	50,000
8.	Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Unit Pentadbiran Daerah	50,000

Sumber: Surat Pegawai Kewangan Negeri Perlis Rujukan PERB.Ps (S)108(Sk 6)(3) Bertarikh 27 Julai 2018

4.1.2. Semakan Audit mendapati **lapan (8) kontrak dan satu (1) SST berkaitan kerja penyenggaraan elektrik melibatkan 10 pembayaran berjumlah RM1.61 juta telah ditandatangani oleh pegawai yang tidak diberi kuasa.** Kontrak dan SST tersebut telah ditandatangani oleh pegawai yang didapati tidak mempunyai kuasa secara bertulis untuk menandatangani SST dan kontrak bagi mana-mana kontrak Kerajaan Negeri Perlis. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 3.**

JADUAL 3
SENARAI KONTRAK DAN SST DITANDATANGANI OLEH
PEGAWAI YANG TIDAK DIBERI KUASA (KETUA JURUTERA ELEKTRIK NEGERI)

BIL.	NO. KONTRAK	AMAUN KONTRAK			AMAUN YANG TELAH DIBAYAR	PEGAWAI YANG SEBENARNYA DIBERI KUASA
		AMAUN ASAL	AMAUN PERUBAHAN KERJA TAMBAHAN/ KURANGAN	JUMLAH		
		(RM)	(RM)	(RM)		
1.	JKR.Ps.Q.SH(ELEKT).S37/2019 (K)	128,405	22,782	151,187	151,187	Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
2.	JKR.Ps.Q.SH(ELEKT).S38/2019 (K)	119,050	(20,805)	98,245	98,245	Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
3.	JKR.Ps.Q.SH(ELEKT).S39/2019 (K)	65,610	(13,005)	52,605	52,605	Timbalan Pegawai Kewangan Negeri
4.	JKR.Ps.Q.SH(ELEKT).S49/2019 (K)	148,300	24,773	173,073	173,073	Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
5.	JKR.Ps.Q.SH(ELEKT).S51/2019 (K)	120,000	23,687	143,687	143,687	Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
6.	JKR.PS.Q.SH(ELEKT).S64/2019 (K)	120,800	13,000	133,800	133,800	Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
7.	JKR.PS.Q.SH(ELEKT).S69/2019(K)*	130,330	-	130,330	130,330	Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis

BIL.	NO. KONTRAK	AMAUN KONTRAK			AMAUN YANG TELAH DIBAYAR	PEGAWAI YANG SEBENARNYA DIBERI KUASA
		AMAUN ASAL	AMAUN PERUBAHAN KERJA TAMBAHAN/ KURANGAN	JUMLAH		
		(RM)	(RM)	(RM)		
8.	JKR.PS.Q.SH(ELEKT).S70/2019(K)	469,850	(8,392)**	461,458	461,458	Setiausaha Kerajaan Negeri atau Pegawai Kewangan Negeri
9.	JKR.PS.Q.SH(ELEKT).S73/2019(K)	280,835	(14,868)**	265,967	265,967	Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
JUMLAH		1,583,180	27,172	1,610,352	1,610,352	

Sumber: Arahan Pembayaran JKR

Nota: (*) – Kontrak tidak disediakan, pembayaran dibuat menggunakan SST.

(**) – Amaun Perubahan Kerja telah mengambil kira Wang Jaminan Pelaksanaan.

4.1.3. Perkara ini berlaku disebabkan pegawai yang tidak mempunyai kuasa tersebut, tidak menyemak terlebih dahulu surat Pegawai Kewangan Negeri rujukan PERB.Ps(S)108 (S.k 6)(3) bertarikh 27 Julai 2018 mengenai penurunan kuasa menandatangani kontrak dan SST sebelum menurunkan tandatangan.

Maklum Balas JKR yang Diterima pada 10 Jun 2020

JKR memaklumkan tindakan pembetulan telah diambil terhadap semua kontrak baru bermula peruntukan tahun 2020 dan memastikan peraturan berkaitan penurunan kuasa dipatuhi sebelum sesuatu kontrak dilaksanakan.

Pernyataan Audit | Kegagalan mematuhi peraturan berhubung penurunan kuasa telah menyebabkan berlakunya pembayaran tidak teratur.

4.2. Pembayaran Berjumlah RM0.78 Juta Dibuat Tanpa Kontrak Formal

4.2.1. Arahan Perbendaharaan 176.1(c) menetapkan bahawa kontrak formal perlu disediakan walaupun nilai perolehan kurang daripada RM50,000 bagi semua perolehan bekalan atau perkhidmatan bermasa. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK4.2, Perenggan 4.8 menjelaskan perolehan bermasa sama ada bekalan, perkhidmatan atau kerja tidak kira nilainya, hendaklah dikeluarkan SST dan disusuli dengan dokumen kontrak komprehensif dalam tempoh empat (4) bulan selepas SST ditandatangan balas oleh syarikat. Perolehan bermasa adalah perolehan yang mana tempoh kontrak melebihi empat (4) bulan.

4.2.2. Semakan Audit mendapati 27 Inden Kerja dan 11 Pesanan Kerajaan mempunyai tempoh penyiapan kerja antara lima (5) hingga 11 bulan, yang bermaksud kontrak formal perlu disediakan. **Namun didapati pembayaran berjumlah RM0.78 juta telah dibuat melalui 38 Arahan Pembayaran tanpa disediakan kontrak formal.** Bilangan Inden Kerja dan Pesanan Kerajaan mengikut bulan yang dikeluarkan dan jumlah bayaran terlibat adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
BILANGAN INDEN KERJA DAN PESANAN KERAJAAN MENGIKUT
BULAN DIKELUARKAN DAN JUMLAH BAYARAN YANG TERLIBAT

BIL.	BULAN	BILANGAN INDEN KERJA/PESANAN KERAJAAN TERLIBAT (BILANGAN)	JUMLAH BAYARAN (RM)	TEMPOH PENYIAPAN KERJA (BULAN)
1.	Januari	10	211,096	11
2.	Februari	4	57,023	10
3.	Mac	10	38,043	9
4.	April	6	128,400	8
5.	Mei	2	180,326	7
6.	Jun	3	65,362	6
7.	Julai	3	99,828	5
JUMLAH		38	780,078	

Sumber: Arahan Pembayaran JKR

4.2.3. Semakan selanjutnya mendapati 38 Arahan Pembayaran tersebut adalah melibatkan kerja-kerja penyenggaraan penyamanan udara oleh Bahagian Mekanikal dan penyenggaraan kemudahan bekalan elektrik oleh Bahagian Elektrik. Bahagian Mekanikal menggunakan Pesanan Kerajaan kerana kontrak penyenggaraan telah tamat tempoh dan kontrak baharu pula masih belum disediakan. Kontrak lama telah tamat pada 14 September 2018 namun kontrak baharu bagi tempoh 1 April 2019 hingga 31 Mac 2021 lewat disediakan, di mana Bahagian Mekanikal mengambil masa selama enam (6) bulan untuk menyediakan kontrak baharu dari tarikh tamat tempoh kontrak lama. Manakala Bahagian Elektrik pula menggunakan Inden Kerja kerana penyenggaraan elektrik merupakan kerja-kerja *one off*.

4.2.4. Pihak Audit juga mendapati Bahagian Mekanikal menggunakan 11 Pesanan Kerajaan (Bekalan/Perkhidmatan) yang dijana melalui sistem iSPEKS bagi membenarkan kerja penyenggaraan di bawah RM20,000 dilaksanakan oleh kontraktor. Penggunaan Pesanan Kerajaan (Bekalan/Perkhidmatan) melalui sistem iSPEKS menyebabkan pembayaran yang dibuat tidak teratur kerana ia sepatutnya diguna untuk memesan bekalan atau perkhidmatan sahaja.

Maklum Balas JKR yang Diterima pada 10 Jun 2020

Kerja penyenggaraan yang tempoh masa melebihi empat (4) bulan disebabkan tempahan bahan dan skop kerja yang memerlukan kerja pembaikan dengan tempoh masa melebihi empat (4) bulan terutama bagi kerja yang melibatkan *trace fault & troubleshooting* sebelum pembaikan segera dilaksanakan.

Pernyataan Audit | **Perolehan bermasa tanpa kontrak formal dan memanjangkan tempoh penyiapan kerja elektrik secara *one off* adalah tidak selaras dengan peraturan kewangan dan boleh menjelaskan kepentingan Kerajaan.**

4.3. Pembayaran Berjumlah RM47,487 Tanpa Menggunakan Inden Kerja

4.3.1. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia – PK4.2 Lampiran 20 Perenggan 1(i) menjelaskan bahawa Inden Kerajaan adalah satu (1) dokumen kewangan yang dikeluarkan oleh Agensi Kerajaan kepada kontraktor untuk melaksanakan kerja. Semua Agensi hendaklah menggunakan Inden Kerajaan untuk perolehan kerja dan tidak dibenarkan untuk menggunakan Pesanan Kerajaan.

4.3.2. Semakan Audit mendapati **11 Arahan Pembayaran berjumlah RM47,487 telah dikeluarkan bagi kerja-kerja penyenggaraan penyaman udara yang tidak menggunakan Inden Kerja sebagai arahan kepada kontraktor.** Sebaliknya, kerja penyenggaraan didapati telah dilaksana berdasarkan Pesanan Kerajaan yang dikeluarkan.

4.3.3. Perkara ini berlaku disebabkan pegawai penyemak dan pegawai pelulus Arahan Pembayaran tidak menyemak terlebih dahulu peraturan kewangan mengenai penggunaan Pesanan Kerajaan untuk kerja-kerja penyenggaraan sebelum perakuan Arahan Pembayaran dibuat. Pembayaran yang dibuat terhadap kerja penyenggaraan menggunakan Pesanan Kerajaan seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
PEMBAYARAN YANG DIBUAT TERHADAP KERJA-KERJA
PENYENGGARAAN MENGGUNAKAN PESANAN KERAJAAN

BIL.	NO. ARAHAN PEMBAYARAN/ TARikh	NO. PESANAN KERAJAAN/ TARikh	AMAUN (RM)
1.	19BNBB0400640 / 11.04.2019 Menyelenggara "Ducting" Sistem Penyamanan Udara Utama di Aras 1, Blok A JKR Perlis dan Lain-lain Kerja Yang Berkaitan.	19BNPT0300092 / 15.03.2019	13,518
2.	19BNBB0400638 / 11.04.2019 Penyenggaraan Penyamanan Udara di Unit Pentadbiran, JKR Perlis.	19BNPT0300110 / 25.03.2019	2,340
3.	19BNBB0400639 / 11.04.2019 Penyenggaraan Penyamanan Udara di Bilik Makan Dewan Warisan Kangar, Perlis.	19BNPT0300111 / 25.03.2019	610
4.	19BNBB0400647 / 11.04.2019 Penyenggaraan Penyamanan Udara di Masjid Alwi, Masjid Arau dan Masjid Tuanku Syed Putra, Kangar.	19BNPT0300107 / 25.03.2019	1,965
5.	19BNBB0400648 / 11.04.2019 Penyenggaraan Penyamanan Udara di Masjid Alwi Kangar.	19BNPT0300106 / 25.03.2019	4,360
6.	19BNBB0400650 / 11.04.2019 Menyelenggara Penyamanan Udara di Jabatan Kerajaan Negeri, Blok A, Bangunan Dato' Mahmud Mat, Perlis.	19BNPT0300103 / 25.03.2019	3,450
7.	19BNBB0400651 / 11.04.2019 Penyenggaraan Penyamanan Udara di Dewan Warisan Kangar.	19BNPT0300105 / 25.03.2019	4,590
8.	19BNBB0400652 / 11.04.2019 Penyenggaraan Penyamanan Udara di Bahagian Elektrik, JKR Perlis.	19BNPT0300108 / 25.03.2019	890
9.	19BNBB0400653 / 11.04.2019 Penyenggaraan Penyamanan Udara di Bangunan Blok C, JKR Perlis.	19BNPT0300109 / 25.03.2019	2,500
10.	19BNBB0400883 / 08.05.2019 Penyenggaraan Penyamanan Udara di Bangunan-Bangunan Kerajaan Negeri Perlis.	19BNPT0300104 / 25.03.2019	3,820
11.	19BNBB0400884 / 08.05.2019 Senggara Penghawa Dingin di Kompleks Dewan Warisan Kangar, Perlis.	19BNPT0300162 / 02.04.2019	9,444
JUMLAH			47,487

Sumber: Arahan Pembayaran JKR

Maklum Balas JKR yang Diterima pada 10 Jun 2020

Borang Inden Kerja akan digunakan bagi perolehan tahun 2020 dan seterusnya.

Pernyataan Audit	Pembayaran bagi kerja penyenggaraan tanpa menggunakan inden kerja adalah tidak selaras dengan peraturan kewangan yang ditetapkan.
-------------------------	--

5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan tindakan pematuhan kepada peraturan perbelanjaan penyenggaraan, JKR perlu mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- 5.1. memastikan semua perolehan dan bayaran mematuhi kehendak Arahan Perbendaharaan, pekeliling dan peraturan kewangan yang ditetapkan;
- 5.2. memastikan bahawa hanya pegawai awam yang telah diturunkan kuasa secara bertulis oleh YAB Menteri Besar Perlis menandatangani kontrak dan SST bagi pihak Kerajaan negeri seperti kehendak Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 4.2 Para 5; dan
- 5.3. Bahagian Mekanikal hendaklah membuat pelanjutan tempoh kontrak yang diluluskan oleh Lembaga Perolehan Negeri sekiranya kontrak baharu mengambil masa yang lama untuk disediakan. Ini bagi memastikan kepentingan Kerajaan terjamin seperti kehendak Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 4.1(b)(iii).



BAHAGIAN V

**PEMBENTANGAN LAPORAN
KETUA AUDIT NEGARA
DAN MESYUARAT
JAWATANKUASA KIRA-KIRA
WANG AWAM NEGERI**

BAHAGIAN V

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

1. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AKTIVITI JABATAN/AGENSI SERTA PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

Mengikut Perkara 107 (2), Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Akaun Kerajaan Negeri yang telah diaudit hendaklah dibentangkan segera di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Tahun 2018, berserta Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perlis Tahun 2018 Siri 1 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Perlis pada 10 Disember 2019. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi Tahun 2018 Siri 2 telah dibentangkan pada 20 Mei 2020.

2. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Bagi tempoh tahun 2019 hingga 31 Julai 2020, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri (Jawatankuasa) telah bermesyuarat sebanyak tiga (3) kali iaitu pada 14 Jun 2019, 3 September 2019 dan 12 Mac 2020. Perkara yang dibincangkan adalah seperti **Jadual 1**.

JADUAL 1
PERKARA YANG DIBINCANGKAN DALAM
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI PERLIS

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI NEGERI	PERKARA
1.	14 Jun 2019	Yayasan Islam Perlis	LKAN Tahun 2017 Siri 1: • Pengurusan Hartanah Yayasan Islam Perlis
2.	03 September 2019	Yayasan Islam Perlis	• Maklum balas Yayasan Islam Perlis berkenaan status tindakan yang di ambil atas teguran dan cadangan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia berkaitan LKAN Tahun 2017 Siri 1
3.	12 Mac 2020	Jabatan Pertanian Negeri Perlis	LKAN Tahun 2018 Siri 1: • Pengurusan Projek Pembangunan Industri Padi Luar Jelapang

Sumber: Jabatan Audit Negara



PENUTUP

PENUTUP

Pada umumnya, tahap penyediaan dan penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis bagi tahun 2019 adalah baik. Penyerahan penyata kewangan agensi negeri juga baik kerana telah dapat dikemukakan dalam tempoh yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Kedudukan kewangan Kerajaan negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 berada di tahap stabil. Kumpulan Wang Disatukan berjumlah RM45.38 juta masih boleh menampung perbelanjaan bagi program/aktiviti/projek Kerajaan negeri. Prestasi kewangan jabatan/agensi negeri masih boleh dimantapkan lagi dan disyorkan tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- a. Kerajaan negeri hendaklah mengamalkan perbelanjaan secara berhemat dan mengurangkan tunggakan hasil supaya kedudukan kewangan Kerajaan negeri berada dalam keadaan yang lebih kukuh.
- b. Projek pembangunan hendaklah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi meningkatkan kemakmuran negeri dan kesejahteraan rakyat.
- c. Setiap kementerian/jabatan/agensi negeri perlu memastikan tahap pematuhan yang tinggi terhadap undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.
- d. Pegawai pengawal/ketua jabatan/ketua agensi hendaklah mempertingkatkan penglibatan secara *hands on* dalam urusan kewangan, mewujudkan sistem semak dan imbang serta menjalankan pemantauan, pemeriksaan mengejut dan penilaian secara berkala ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai. Selain itu, latihan yang bersesuaian perlu diberi secara berterusan kepada pegawai yang terlibat dalam urusan kewangan.
- e. Jabatan/agensi perlu mempertingkatkan fungsi Unit Audit Dalam (UAD). Antaranya memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya, menyediakan perancangan audit tahunan supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan, membuat penilaian secara objektif dan bebas, bukan sekadar berkaitan dengan aspek kawalan dalaman, malahan pengurusan risiko dan tadbir urus organisasi. UAD perlu melaporkan penemuan yang signifikan serta mengesyorkan cadangan yang dapat memberi impak kepada organisasi.

**Ketua Audit Negara
Malaysia**

Putrajaya
8 Oktober 2020



LAMPIRAN



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI PERLIS
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 2 hingga 16.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perlis pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financing Reporting under the Cash Basis of Accounting)*.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kerajaan Negeri Perlis dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Pegawai Kewangan Negeri Kerajaan Negeri Perlis bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Pegawai Kewangan Negeri Terhadap Penyata Kewangan

Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financing Reporting under the Cash Basis of Accounting)*. Pegawai Kewangan Negeri juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis, Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kerajaan Negeri Perlis untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagaimana asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta

mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kerajaan Negeri Perlis.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pegawai Kewangan Negeri.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pegawai Kewangan Negeri dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kerajaan Negeri Perlis sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis memberi gambaran yang saksama.

Hal-hal Lain

Sijil ini disediakan selaras dengan Perkara 106(1) Perlembagaan Persekutuan 1957 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATUK NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
25 SEPTEMBER 2020



3 / 3



**PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
DAN BENDAHARI NEGERI**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Nota Kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*.
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2019.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjelaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2019.


NASARUDDIN BIN ABDUL MUTTALIB
Pegawai Kewangan Negeri Perlis
10 Januari 2020


SITI MARIAM BT MAT NOH C.A.(M), CPA (Aust.)
Bendahari Negeri Perlis
10 Januari 2020

Lampiran III

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBESR 2019

	Nota	2019 RM	2018 RM
WANG AWAM			
WANG TUNAI	3	45,383,357.73	22,202,501.85
PELABURAN	4	0.00	0.00
			45,383,357.73 22,202,501.85

DIPEGANG BAGI:

KUMPULAN WANG DISATUKAN

AKAUN HASIL DISATUKAN	5	(454,874,605.81)	(453,623,944.95)
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	0.00	0.00
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	500,257,963.54	475,826,446.80
			45,383,357.73 22,202,501.85

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Lampiran IV

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

NOTA	RM	2019		2018	
		RM	Dihyafakan semula	RM	RM
TERIMAAN					
Hasil	5				
Hasil Cukai		20,770,642.33		18,628,060.95	
Hasil Bukan Cukai		23,653,170.98		18,559,199.89	
Terimaan Bukan Hasil		106,867,642.00	151,291,455.31	90,898,083.08	128,085,343.92
Pinjaman	6				
Dalam Negeri		17,842,431.40	17,842,431.40	11,376,718.31	11,376,718.31
Terimaan Modal	7				
Pelbagai Terimaan Modal		0.00		0.00	
Jualan Instrumen Kewangan		0.00	0.00	0.00	0.00
Terimaan Lain	7				
Terimaan Amanah		225,259,353.17	225,259,353.17	213,789,063.44	213,789,063.44
JUMLAH TERIMAAN		394,393,239.88		353,251,125.67	
BAYARAN					
Perbelanjaan Mengurus	5				
Emolumen		(50,671,374.30)		(50,002,881.15)	
Perkhidmatan Dan Bekalan		(62,037,737.61)		(65,515,198.83)	
Aset		(2,413,340.53)		(1,665,399.68)	
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap		(24,936,071.59)		(25,373,276.85)	
Perbelanjaan Lain		(1,870,123.80)	(141,928,647.83)	(935,101.96)	(143,491,858.47)
Perbelanjaan Pembangunan	7				
Langsung		(33,165,413.51)		(32,647,625.91)	
Pinjaman		(20,175,015.62)	(53,340,429.13)	(9,915,150.53)	(42,562,776.44)
Perbelanjaan Modal	7				
Pelbagai Perbelanjaan Modal		0.00		0.00	
Pembelian Instrumen Kewangan		0.00	0.00	0.00	0.00
Bayaran Balik Pinjaman	6				
Pinjaman Dalam Negeri		(6,613,468.34)		0.00	
Pindahan Kepada KW Pembangunan		(17,842,431.40)		(11,376,718.31)	
Pindahan Kepada KW Amanah		(4,000,000.00)	(28,455,899.74)	0.00	(11,376,718.31)
Bayaran Amanah	7				
Pinjaman Kepada Badan Berkanun		(70,000.00)		0.00	
Pelbagai Bayaran		(147,417,407.30)	(147,487,407.30)	(169,598,982.30)	(169,598,982.30)
JUMLAH BAYARAN		(371,212,384.00)		(367,030,335.52)	
Tambahan / (Kurangan) Wang Tunai			23,180,855.88		(13,779,209.85)
Wang Tunai Pada 1 Januari			22,202,501.85		35,981,711.70
WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER		45,383,357.73		22,202,501.85	

Lampiran V

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	Nota	Anggaran RM	2019 Sebenar RM	2018 Sebenar RM
HASIL	5	103,080,000.00	151,291,455.31	128,085,343.92
Tolak:				
Belanja Mengurus	5	160,484,350.00	152,542,116.17	143,491,858.47
LEBIHAN / (KURANGAN) HASIL		(57,404,350.00)	(1,250,660.86)	(15,406,514.55)
Tolak:				
Belanja Pembangunan	7	55,284,320.00	53,340,429.13	42,562,776.44
LEBIHAN / (KURANGAN) KESELURUHAN		(112,688,670.00)	(54,591,089.99)	(57,969,290.99)
KURANGAN DIBIAYAI OLEH:				
Pinjaman Dalam Negeri	6		17,842,431.40	11,376,718.31
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	7		44,251,296.60	39,281,610.23
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	7		(7,502,638.01)	7,310,962.45
JUMLAH PEMBIAYAAN		54,591,089.99	57,969,290.99	

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Lampiran VI

PENYATA AKAUN MEMORANDUM PADA 31 DISEMBER 2019

Nota	2019	2018
	RM	RM
MEMORANDUM ASET	8	
Pinjaman Boleh Dituntut	108,927,319.22	109,717,237.02
MEMORANDUM LIABILITI	9	
Hutang Kerajaan Negeri	268,017,841.08	403,327,888.66

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Lampiran VII

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

DASAR DAN KAEADAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.
- b) Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berdasarkan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan:
 - i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah, dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang.
 - ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Dewan Undangan Negeri, kecuali untuk perbelanjaan tanggungan tertentu.
 - iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.
- c) Kerajaan Negeri mengamal asas perakaunan tunai ubahsuai. Semua urusniaga bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperoleh dengan pengubahsuahan seperti berikut:
 - i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember 2019, boleh dibayar dalam bulan Januari tahun 2020 dan dikenakan kepada peruntukan tahun kewangan semasa.
 - ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambilkira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember 2019 tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diakaunkan sebagai hasil tahun kewangan semasa.
 - iii) Mengakuun urusniaga bukan tunai tertentu seperti pindahan peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan, Untung Rugi Pelaburan dan seumpamanya.
- d) Entiti perakaunan terdiri daripada semua jabatan Kerajaan Negeri.
- e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah satu tempoh dua belas (12) bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.
- f) Mata wang yang digunakan dalam penyata kewangan ini adalah Ringgit Malaysia (RM). Urus niaga yang melibatkan mata wang asing telah ditukar kepada nilai setara RM berdasarkan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia atau Jabatan Akauntan Negara Malaysia mengikut polisi yang ditetapkan.
- g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.
- h) Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.

2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disedia mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS)* - *Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen berikut :-

- a) Penyata Kedudukan Kewangan
- b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- c) Penyata Prestasi Kewangan
- d) Penyata Akaun Memorandum
- e) Nota Kepada Penyata Kewangan

3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki akaun semasa dan baki deposit di institusi kewangan. Pelaburan Deposit Dalam Negeri bagi tempoh tiga (3) bulan atau kurang telah diklasifikasi sebagai Wang Tunai Dalam Bank selaras dengan Para 1.2.3. *Cash Basis IPSAS*.

Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan wang tunai yang belum dibankikan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan.

Wang Tunai Dalam Tangan merupakan Panjar Wang Runcit.

Wang Tunai pada 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:

Perihal	2019		2018	
	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
Wang Tunai Dalam Bank	45,346,407.73		22,165,651.85	
Wang Tunai Dalam Perjalanan		0.00		0.00
Wang Tunai Dalam Tangan		36,950.00		36,850.00
JUMLAH WANG TUNAI	45,383,357.73		22,202,501.85	

4. PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Am yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan dan dinyatakan pada nilai buku.

Pelaburan Deposit Dalam Negeri bagi tempoh tiga (3) bulan telah diklasifikasikan sebagai Wang Tunai Dalam Bank selaras dengan para 1.2.3 *Cash Basis IPSAS*.

Pada 31 Disember 2019 tiada pelaburan dilaporkan kerana Kerajaan Negeri tidak membuat sebarang pelaburan sepanjang tahun 2019.

Perihal	2019		2018	
	Nilai Buku		Nilai Buku	
	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	Pelaburan Am	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	Pelaburan Am
Deposit Dalam Negeri	0.00	0.00	0.00	0.00
Pelbagai	0.00	0.00	0.00	0.00
Jumlah	0.00	0.00	0.00	0.00
JUMLAH PELABURAN	0.00		0.00	

5. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakaun semua urusniaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:

Perihal	Anggaran RM	2019		2018	
		Sebenar RM	% Anggaran	Sebenar RM	% Anggaran
BAKI PADA 1 JANUARI			(453,623,944.95)	(438,217,430.40)	
HASIL					
Hasil Cukai	16,900,000.00	20,770,642.33	109.90	16,628,060.95	96.52
Hasil Bukan Cukai	22,720,000.00	23,653,170.95	104.11	16,559,199.69	76.69
Terimaan Bukan Hasil	61,460,000.00	106,007,642.00	173.66	90,898,063.06	151.10
Jumlah Hasil	103,080,000.00	151,291,455.31	146.77	128,085,343.92	124.30
PERBELANJAAN MENGURUS					
Emolumen	54,469,670.00	50,671,374.30	93.03	50,002,661.15	92.03
Perkhidmatan dan Bekalan	64,725,530.00	62,037,737.61	95.54	65,515,196.63	94.87
Aset	2,929,210.00	2,413,340.53	82.39	1,665,399.66	83.42
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap **	36,456,495.00	35,549,539.93	97.43	25,373,276.05	96.91
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	1,670,455.00	1,670,123.50	99.95	935,101.96	99.20
Jumlah Perbelanjaan Mengurus (sebelum pindahan)	160,484,360.00	152,542,116.17	95.05	143,491,858.47	94.08
Pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Jumlah Perbelanjaan Mengurus (selepas pindahan)	160,484,360.00	152,542,116.17	95.05	143,491,858.47	94.08
<i>Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun</i>		(1,250,660.66)		(15,406,514.55)	
BAKI PADA 31 DISEMBER			(454,874,605.81)	(453,623,944.95)	

Nota : (**) - Termasuk bayaran balik pinjaman kerajaan persekutuan

(a) Hasil

Hasil diakaunkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh mana-mana undang-undang. Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:

Perihal	2019			2018		
	Anggaran Asal	Anggaran Disemak	Sebenar		Anggaran	% Anggaran
			RM	RM		
HASIL CUKAI						
Cukai Tanah	16,920,010.00	16,920,010.00	16,359,095.61	105.51	16,432,588.40	97.22
Cukai Parit Dan Tallair	655,990.00	655,990.00	797,475.51	115.75	778,476.40	132.49
Cukai Keluaran Hutan	1,291,000.00	1,291,000.00	1,613,637.11	125.01	1,416,996.15	76.29
Duli Kastam - Ekspor	0.00	0.00	233.80	0.00	0.00	0.00
Cukai Hiburan	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Jumlah Hasil Cukai	18,900,000.00	18,900,000.00	20,770,642.33	109.90	18,628,060.95	96.52
HASIL BUKAN CUKAI						
Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit	6,710,860.00	6,710,860.00	7,009,556.49	104.45	6,835,959.46	95.05
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	1,338,290.00	1,338,290.00	1,516,267.19	113.30	1,410,478.15	96.95
Perolehan daripada Jualan Barang- barang	7,097,400.00	7,097,400.00	7,553,174.50	106.42	7,504,452.16	79.55
Sewaan	6,552,850.00	6,552,850.00	5,645,860.52	86.16	1,265,544.50	26.79
Keuntungan Pembentukan Dan Perolehan Pelaburan	610,100.00	610,100.00	897,733.70	147.15	960,956.23	165.37
Denda dan Hukuman	410,500.00	410,500.00	513,722.26	125.15	561,807.36	265.14
Sumbangan dan Bayaran Ganti	0.00	0.00	516,656.00	-	0.00	0.00
Jumlah Hasil Bukan Cukai	22,720,000.00	22,720,000.00	23,653,170.98	104.11	18,559,199.89	78.69
TERIMAAN BUKAN HASIL						
Pulangan Balik Perbelanjaan	946,100.00	946,100.00	1,500,691.84	155.64	6,459,114.79	30,549.35
Terimaan daripada Agenzia Kerajaan	60,513,900.00	60,513,900.00	105,366,216.16	174.12	62,438,966.29	137.10
Keuntungan Atas Jualan / Pelupusan	0.00	0.00	534.00	-	0.00	0.00
Jumlah Terimaan Bukan Hasil	61,460,000.00	61,460,000.00	106,867,642.00	173.88	90,898,083.08	151.10
JUMLAH HASIL	103,080,000.00	103,080,000.00	151,291,455.31	146.77	128,085,343.92	124.30

(b) Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan dan Bekalan seperti emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaan bayaran tetap dan perbelanjaan-perbelanjaan lain.

Perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan mengikut undang-undang Negeri selaras dengan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan bagi Maksud Bekalan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan berdasarkan kelulusan Dewan Undangan Negeri selaras dengan Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan.

Bagi maksud perbelanjaan yang telah melebihi peruntukan, suatu anggaran tambahan akan dibentangkan di sesi Persidangan Dewan Undangan Negeri bulan Mac - April 2020 selaras dengan Perkara 101(b) Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan Mengurus mengikut Maksud Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:

Maksud Perbelanjaan	2019			
	Anggaran Asal RM	Anggaran Dipinda RM	Sebenar RM	% Anggaran
PERBELANJAAN TANGGUNGAN				
T01 Pejabat Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja	4,476,190.00	4,476,190.00	4,136,920.50	92.35
T02 Pejabat DYTM Raja Muda	1,051,000.00	1,051,000.00	990,807.89	94.27
T03 Pengetua Dewan	199,390.00	199,390.00	199,356.00	99.95
T04 Perpendaharaan Negeri Perlis	10,000,010.00	9,374,010.00	9,373,042.26	99.99
T05 Pampasan	10.00	10.00	0.00	0.00
T06 Perpendaharaan Negeri Perlis	8,720,000.00	8,616,350.00	8,613,522.00	99.97
Jumlah Perbelanjaan Tanggungan	24,448,600.00	23,718,950.00	23,313,648.05	98.29
PERBELANJAAN BEKALAN				
B01 Pejabat Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja	4,009,600.00	4,009,600.00	3,271,533.05	81.60
B02 Dewan Negeri	2,383,390.00	2,383,390.00	2,265,154.35	95.17
B04 Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan	47,704,100.00	41,854,100.00	40,732,290.99	97.32
B05 Pelbagai Perkhidmatan	5,679,600.00	5,509,600.00	5,430,100.24	96.56
B06 Perpendaharaan Negeri Perlis	2,636,900.00	2,782,900.00	2,547,971.36	91.56
B07 Perpendaharaan Negeri (Caruman)	7,177,300.00	4,737,300.00	4,726,000.43	99.76
B09 Jabatan Kerja Raya	23,497,900.00	23,497,900.00	21,756,260.17	92.59
B11 Jabatan Pertanian	6,506,000.00	6,506,000.00	5,817,735.90	89.42
B12 Jabatan Perkhidmatan Veterinar	3,576,500.00	3,576,500.00	3,548,290.21	99.16
B13 Jabatan Pengairan Dan Saliran	14,540,700.00	12,390,700.00	11,696,466.82	94.40
B14 Jabatan Perancang Bandar	979,600.00	979,600.00	938,021.36	95.74
B15 Jabatan Kebajikan Masyarakat	9,021,400.00	8,421,400.00	7,900,162.55	94.76
B16 Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	5,389,500.00	5,389,500.00	4,740,351.96	87.96
B17 Pejabat Mufti	1,416,900.00	1,416,900.00	1,364,156.66	97.09
B18 Pejabat Mahkamah Syariah	2,085,000.00	2,085,000.00	1,980,665.30	96.41
B19 Pejabat Pembangunan Negeri	559,500.00	559,500.00	515,395.35	92.12
B23 Jabatan Perhutanan	4,397,400.00	3,997,400.00	3,744,041.32	93.66
B25 Jabatan Tanah Dan Galian	6,665,900.00	6,665,900.00	6,140,259.44	91.84
B57 Membeli Tanah	10.00	10.00	0.00	0.00
Jumlah Perbelanjaan Bekalan	148,431,400.00	136,765,400.00	129,228,467.52	94.49
PERBELANJAAN MENGURUS (sebelum pindahan)				
	172,880,000.00	160,484,350.00	152,542,116.17	95.05
PINDAHAN KE KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN				
			0.00	
PERBELANJAAN MENGURUS (selepas pindahan)				
			152,542,116.17	

6. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan mengakaunkan semua pinjaman yang diterima di bawah kuasa undang-undang Persekutuan dan Negeri serta pindahan pinjaman ke Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Yang Lain yang dibenarkan oleh Dewan Undangan Negeri bergantung kepada tujuan pinjaman tersebut.

Akaun Pinjaman Disatukan pada 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:

Perihal	2019		2018	
	(Debit)/Kredit RM	(Debit)/Kredit RM	(Debit)/Kredit RM	(Debit)/Kredit RM
Pinjaman Dalam Negeri				
Baki pada 1 Januari		0.00		0.00
Terimaan		17,842,431.40		11,376,718.31
* Bayaran		17,842,431.40		11,376,718.31
BAKI PADA 31 DISEMBER		0.00		0.00

Nota : (*) - Jumlah bayaran adalah pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan.

7. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan mengakaunkan semua terimaan dan bayaran wang amanah mengikut kehendak undang-undang, akta-akta amanah, suratcara amanah, arahan amanah dan perjanjian. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit.

Akaun Amanah Disatukan pada 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:

Perihal	Baki pada		Baki pada	
	01.01.2019 (Debit)/Kredit RM	Debit RM	Kredit RM	31.12.2019 (Debit)/Kredit RM
KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN				
Kumpulan Wang Pembangunan	11,629,336.47	53,340,429.13	62,093,726.00	20,382,635.34
Kumpulan Wang Bekalan Air	0.00	0.00	0.00	0.00
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Hutan	330,605.41	0.00	24,044.92	354,650.33
Akaun Penyelesaian	222,442,632.70	763,137,190.03	602,194,356.97	241,499,999.64
Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	141,066,406.72	35,061,692.73	41,149,722.66	147,956,436.65
Jumlah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	376,271,381.30	871,539,311.89	905,461,852.55	410,193,921.96
KUMPULAN WANG AMANAH AWAM				
Kumpulan Wang Amanah Awam	36,073,503.68	26,206,659.06	22,633,204.27	32,500,048.89
Jumlah Kumpulan Wang Amanah Awam	36,073,503.68	26,206,659.06	22,633,204.27	32,500,048.89
AKAUN DEPOSIT				
Akaun Wang Deposit	63,481,561.82	24,891,912.72	18,974,343.59	57,563,992.09
Jumlah Akaun Deposit	63,481,561.82	24,891,912.72	18,974,343.59	57,563,992.09
JUMLAH AKAUN AMANAH DISATUKAN	475,826,446.80	922,637,883.67	947,069,400.41	500,257,963.54

(a) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengakau terimaan dari peruntukan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

(i) Kumpulan Wang Pembangunan

Mengakau terimaan dan bayaran pembangunan seperti yang diperuntukkan oleh Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406].

Terimaan utama bagi kumpulan wang ini terdiri daripada Caruman daripada Akaun Hasil Disatukan, Pinjaman yang diambil bagi maksud pembangunan, Pemberian TAHP, Pemberian Pertambahan Hasil, Ansuran Perumahan Awam dan Jualan Perumahan Kos Rendah.

Bayaran kumpulan wang ini adalah perbelanjaan pembangunan secara langsung atau pinjaman.

Kumpulan Wang Pembangunan pada 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:

Perihal	2019 (Debit)/Kredit RM	2018 (Debit)/Kredit RM
BAKI PADA 1 JANUARI	11,629,336.47	3,533,784.37
TERIMAAN		
Pindahan		
Pindahan Dari Akaun Hasil Disatukan	0.00	0.00
Pindahan Dari Akaun Pinjaman Disatukan	17,842,431.40	11,376,718.31
Jumlah Pindahan	17,842,431.40	11,376,718.31
Pelbagai Terimaan Lain		
Pemberian Tahap Pembangunan, Ekonomi Dan Kesejahteraan Hidup	28,233,000.00	23,313,000.00
Ansuran Perumahan Awam	1,118,382.60	437,192.19
Jualan Perumahan Kos Rendah	570,000.00	900,640.04
Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian II	14,329,914.00	14,630,776.00
Jualan Aset Modal	0.00	0.00
Pelbagai Terimaan	0.00	0.00
Pelarasan	0.00	0.00
Jumlah Pelbagai Terimaan Lain	44,251,296.00	39,281,610.23
Jumlah Terimaan	62,093,728.00	50,658,328.54
BAYARAN		
Perbelanjaan Pembangunan		
Langsung	33,165,413.51	32,647,625.91
Pinjaman	20,175,015.62	9,815,150.53
Jumlah Bayaran	53,340,429.13	42,562,776.44
<i>Lebihan/(Kurangan) Bagi Tahun</i>	<i>8,753,298.07</i>	<i>8,095,552.10</i>
BAKI PADA 31 DISEMBER	20,382,635.34	11,629,336.47

(ii) **Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air**

Diwujudkan di bawah Enakmen Kumpulan Wang Bekalan Air Negeri Perlis bagi menyediakan bekalan air bersih ke seluruh Negeri Perlis. Terimaan kumpulan wang ini terdiri daripada caruman dari Akaun Hasil Disatukan dan pindahan daripada Akaun Pinjaman.

Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air tidak mencatatkan sebarang urusniaga dalam tahun 2015 hingga 2019 disebabkan Jabatan Kerja Raya (Bekalan Air) telah dikorporatkan menjadi Syarikat Air Perlis (SAP) pada 1 Januari 2015. Akaun ini telah ditutup pada tahun 2016 dengan memindahkan semua baki yang ada ke Akaun Hasil Disatukan.

Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air pada 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:

Perihal	2019		2018	
	(Debit)/Kredit RM	(Debit)/Kredit RM	(Debit)/Kredit RM	(Debit)/Kredit RM
BAKI PADA 1 JANUARI		0.00		0.00
TERIMAAN				
Pindahan Dari Akaun Pinjaman Disatukan		0.00		0.00
Pindahan Dari Akaun Hasil Disatukan		0.00		0.00
Pelbagai Terimaan		0.00		0.00
Jumlah Terimaan		0.00		0.00
BAYARAN				
Perbelanjaan Mengurus		0.00		0.00
Perbelanjaan Pembangunan		0.00		0.00
Langsung		0.00		0.00
Pinjaman		0.00		0.00
Jumlah Bayaran		0.00		0.00
BAKI PADA 31 DISEMBER		0.00		0.00

(iii) Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Hutan dan Pelbagai Kumpulan Wang yang ditubuh di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud tertentu. Sumber kewangan kumpulan wang ini adalah caruman daripada kerajaan. Sebahagian dari kumpulan wang ini merupakan kumpulan wang pusingan manakala yang lain adalah bagi bayaran langsung.

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:

Perihal	2019		2018	
	(Debit)/Kredit RM	RM	(Debit)/Kredit RM	RM
AKAUN PENYELESAIAN				
L1311812 - Akaun Pendahuluan Dari Kerajaan Persekutuan		241,500,000.00		222,413,580.00
L1312914 - Akaun Penyelesaian Mekanisma Penggenapan Duit Syiling		(0.36)		(1.22)
L1312915 - Akaun Penyelesaian (Akaun Kawalan)		0.00		29,253.92
JUMLAH AKAUN PENYELESAIAN		241,499,999.64		222,442,832.70

KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN HUTAN

E0211601 - Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Hutan	354,850.33	330,805.41
JUMLAH KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN HUTAN		
	354,850.33	330,805.41

PELBAGAI KUMPULAN WANG

E0211204 - Kumpulan Wang Pusingan Perumahan Awam Kos Rendah	15,000,000.00	15,000,000.00
E0211951 - Kumpulan Wang Luar Jangka	500,000.00	500,000.00
E0212102 - Pinjaman Komputer	438,872.28	478,196.79
E0212103 - Pinjaman Diraja	670,000.00	670,000.00
E0212104 - Pendahuluan Membeli Kenderaan Jabatan	450,000.00	450,000.00
E0212107 - Pinjaman Perumahan Adun	2,403,037.67	2,031,712.41
E0212110 - Pendahuluan Membeli Kenderaan Adun	520,000.00	520,000.00
E0212201 - Pinjaman Kepada Badan Berkanun Dan Badan Lain	8,262,890.55	4,332,890.55
E0213301 - Pendahuluan Diri Pegawai Awam	1,000,000.00	1,000,000.00
E0213302 - Pendahuluan Pelbagai	200,000.00	200,000.00
E0214401 - Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan-Jalan Negeri	116,511,725.85	116,685,606.97
JUMLAH PELBAGAI KUMPULAN WANG	147,936,526.65	141,868,406.72
JUMLAH PELBAGAI KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN	389,811,376.62	364,642,044.83

(b) Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam mengakaun terimaan dan bayaran bagi maksud tertentu yang diwujudkan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Sumber kewangan kumpulan wang ini adalah daripada badan-badan atau orang perseorangan untuk tujuan tertentu.

Kumpulan Wang Amanah Awam yang matang bagi setiap Kumpulan Wang Amanah Awam pada 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:

Perihal	2019 RM	2018 RM
004000 - Perbendaharaan Negeri	565,610.82	557,775.82
005000 - Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis	12,142,132.26	18,236,132.67
009000 - Jabatan Kerja Raya	622,684.70	2,384.70
012000 - Jabatan Perkhidmatan Veterinar	2,109,443.57	2,109,443.57
016000 - Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	5,065,652.47	3,553,404.57
017000 - Jabatan Mufti	27,236.65	47,948.36
018000 - Jabatan Kehakiman Syariah Negeri	237,220.47	261,426.99
025000 - Jabatan Tanah Dan Galian	11,529,665.65	11,304,906.70
JUMLAH KUMPULAN WANG AMANAH AWAM	32,500,048.89	36,073,503.68

(c) Akaun Deposit

Akaun Deposit terdiri daripada Deposit Am yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang atau perjanjian dan perlu dibayar balik apabila maksud telah tercapai.

Akaun Deposit yang matang bagi setiap kategori Deposit pada 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:

Perihal	2019 (Debit)/Kredit RM	2018 (Debit)/Kredit RM
DEPOSIT AM		
Kawalan Wang Tak Dituntut		
L1111101 - Deposit Am Jabatan Negeri	3,549,655.06	4,731,045.06
L1111102 - Deposit Tender	0.00	0.00
L1111103 - Deposit Cagaran	20,662,315.67	23,496,441.37
L1111105 - Deposit Cagaran Sewa Bangunan/Geral/Kedai	0.00	2,000.00
L1111107 - Deposit Wang Jaminan Perlaksanaan	6,736,325.69	5,124,015.32
L1111108 - Deposit Wang Tuntutan Bon Perlaksanaan	5,037.12	43,227.71
L1111115 - Deposit Cagaran Bekalan Air	4,620,264.52	4,620,264.52
L1111117 - Deposit Cagaran Pelbagai	12,000.00	0.00
L1112103 - Deposit Mahkamah Tinggi/Rendah/Syariah	9,300.00	8,400.00
L1112107 - Deposit Pejabat Tanah	21,008,201.36	21,373,614.03
L1112119 - Deposit Jabatan Perhutanan Negeri	45,000.00	10,000.00
L1121101 - Deposit Pelarasan Cek Terbatas	34,772.47	119,426.19
L1121102 - Deposit Pindahan Dana Elektronik Terbatas	479,164.73	3,719,626.02
L1121107 - Deposit Terimaan Tidak Diperuntukan	1,935.65	33,299.60
Jumlah Deposit Am	57,563,992.69	63,481,561.82
JUMLAH AKAUN DEPOSIT	57,563,992.69	63,481,561.82

8. MEMORANDUM ASET

Memorandum Aset menunjukkan sebahagian aset kewangan kerajaan iaitu Pinjaman Boleh Dituntut yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus atau pembangunan, tetapi tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

(a) Pinjaman Boleh Dituntut

Pinjaman Boleh Dituntut adalah baki pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri.

Pinjaman Boleh Dituntut pada 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:

Perihal	Baki pinjaman belum selesa pada	
	2019 RM	2018 RM
PINJAMAN BOLEH DITUNTUT		
Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPS)	101,912,351.17	102,062,351.17
Yayasan Islam Perlis (YIPs)	1,737,109.45	1,667,109.45
Syarikat Air Perlis (SAP)	5,277,655.60	5,967,776.40
JUMLAH PINJAMAN BOLEH DITUNTUT	108,927,319.22	109,717,237.02

9. MEMORANDUM LIABILITI

Memorandum Liabiliti menunjukkan baki hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan yang belum diselesaikan pada penutupan tahun kewangan yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

Hutang Awam pada 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:

Perihal	2019		2018	
	RM	RM	RM	RM
PINJAMAN DALAM NEGERI				
Bekalan Air	15,100,000.00		155,623,767.62	
Perumahan Awam Kos Rendah	63,596,032.38		87,972,227.53	
Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPS)	124,701,142.00		130,405,714.05	
Pelbagai	44,620,666.70		29,323,159.46	
JUMLAH PINJAMAN KERAJAAN NEGERI	268,017,841.08		403,327,888.66	

10. AKAUN BELUM TERIMA

Akaun Belum Terima pada 31 Disember 2019 berjumlah **RM 23,645,176.00** berdasarkan rekod jabatan dilaporkan sebagai maklumat tambahan, walaupun Kerajaan Negeri mengamalkan asas perakaunan tunai ubahsuai.



AKRONIM

AKRONIM

ABT	Akaun Belum Terima
ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
AKB	Akaun Kena Bayar
AP	Arahan Perbendaharaan
BBN	Badan Berkanun Negeri
BKT	Bahagian Kerajaan Tempatan
BPD	Bahagian Pentadbiran Daerah
DUN	Dewan Undangan Negeri
EFT	<i>Electronic Fund Transfer</i>
FRS	<i>Financial Reporting Standards</i>
IPSAS	<i>International Public Sector Accounting Standard</i>
ISSAI	<i>International Standards of Supreme Audit Institutions</i>
JANM	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Jawatankuasa	Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri
JKKK	Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung
JKR	Jabatan Kerja Raya
JPH	Jabatan Perhutanan Negeri
JPS	Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Perlis
JPV	Jabatan Perkhidmatan Veterinar
MAI	Majlis Agama Islam
MAIPs	Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis
MARRIS	<i>Malaysian Road Record Information System</i>
MASB	<i>Malaysian Accounting Standards Board</i>
MBI	<i>Menteri Besar Incorporation</i>
MFRS	<i>Malaysian Financial Reporting Standards</i>
MPERS	<i>Malaysian Private Entity Reporting Standards</i>
MPSAS	<i>Malaysian Public Sector Accounting Standards</i>
MPK	Majlis Perbandaran Kangar
MRSM	Maktab Rendah Sains Mara
MSNPs	Majlis Sukan Negeri Perlis
PAKR	Perumahan Awam Kos Rendah
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PKENPs	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis
PPN	Pejabat Perbendaharaan Negeri Perlis

PPR	Projek Perumahan Rakyat
PSUK	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
PTG	Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis
RMKe-11	Rancangan Malaysia Kesebelas
SAP	Syarikat Air Perlis Sdn. Bhd.
SPMB	Sistem Pengurusan Maklumat Bersepadu
UAD	Unit Audit Dalam
UTC	Pusat Tranformasi Bandar
YIPs	Yayasan Islam Perlis



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2020
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773

www.audit.gov.my



JABATAN AUDIT NEGARA
ARAS 1-9, BLOK F2 & F3, KOMPLEKS F
LEBUH PERDANA TIMUR, PRESINT 1
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62000 PUTRAJAYA